

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْحِ الْمَنَارِ  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2024

**FAKULTI KOMUNIKASI & PENGAJIAN MEDIA**  
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN  
KESUKARELAWAN

---

**KETUA PTJ :**

ABD. RASID BIN ABD. RAHMAN

**KETUA UNIT KUALITI :**

HAMIMDA BINTI AGIL

**PENYELARAS :**

RAJA PUTRI NADIAH BINTI RAJA AHMAD

**PENULIS :**

1. NURUL HANANI BINTI OMAR
2. FADZILLAH AISHAH BINTI ISMAIL
3. MUHAMMAD AZIM BIN ZAID
4. RAJA PUTRI NADIAH BINTI RAJA AHMAD
5. RAJA PUTRI NADIAH BINTI RAJA AHMAD
6. ZALIFFAH BT ABDUL WAHAB
7. MOHAMED SHAMIL HIZAMIE BIN MOHAMED NORHISHAM

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tahun 2023 menjadi saksi kepada dua era kepimpinan Pengurusan Kanan FKPM yang diamanahkan kepada individu berbeza, mencerminkan dinamik yang kukuh dalam pentadbiran fakulti ini. Bermula Oktober 2022, Prof. Dr. Haryani Haron memimpin FKPM di bawah naungan Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (KPPIM). Manakala pada Jun 2023, FKPM melangkah ke fasa baharu sebagai fakulti yang berdiri sendiri, dengan Prof. Madya Dr. Abd Rasid Abd Rahman diberi kepercayaan sebagai Dekan. Walaupun mengalami perubahan kepimpinan, FKPM terus teguh dalam melaksanakan pelbagai perancangan dan agenda yang telah digariskan. Selaras dengan agenda universiti dalam **memperkasa jaringan strategik dengan alumni yang merupakan kekuatan FKPM** sepanjang tahun 2023, Dekan dan Pengurusan Kanan FKPM bersetuju memilih dan memfokuskan pada bidang utama (BT) **Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** sebagai elemen utama dalam laporan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2023. Keputusan ini telah disepakati oleh Pengurusan Kanan FKPM dan dimuktamadkan dalam mesyuarat JAF FKPM.

**Perancangan (Plan).** Pengurusan Kanan FKPM memimpin perancangan strategik yang menjadi asas utama dalam melestarikan objektif, inisiatif, dan agenda universiti dalam **memperkasa jaringan strategik dengan alumni, tanggungjawab sosial kepada komuniti serta aktiviti kesukarelawan**. Melalui pendekatan holistik dan sistematik, teras **SYNERGY** diaplikasikan dalam setiap aspek perancangan, melibatkan semua program dan bahagian di FKPM untuk menyokong PJI dalam mencapai Petunjuk Prestasi (PI) yang ditetapkan. **SYNERGY**, yang merangkumi S – *Strength*, Y – *Yield*, N – *Network*, E – *Excellence*, R – *Resourcefulness*, G – *Growth*, dan Y – *Yearning*, menjadi panduan utama dalam setiap langkah strategik. Bengkel Perancangan Strategik diadakan bagi memastikan setiap bahagian dan unit cakna serta memainkan peranan aktif dalam mencapai PI FKPM.

Pengurusan Kanan FKPM secara konsisten mendukung agenda universiti melalui pelaksanaan program yang memperkukuh hubungan antara alumni dan komuniti serta mempromosikan tanggungjawab sosial. Dengan meluluskan program, menyediakan dana kewangan, infrastruktur, dan sumber manusia yang sesuai, FKPM memastikan objektif program tercapai dengan cemerlang. Penglibatan alumni tersohor seperti Farrah Naz Karim (NST) dan Suryadipura Salleh (VML) dalam pelbagai aktiviti berimpak tinggi telah memberi kesan yang mendalam kepada komuniti serta pelajar FKPM. Selain itu, sokongan terhadap program seperti *International Conference on Media and Social Science* (iCOMS) serta pelaksanaan aktiviti SULAM dalam kursus Media Law, Regulation and Ethics (COM540) memperlihatkan komitmen FKPM dalam memperluas agenda kesukarelawan di peringkat tempatan, nasional, dan antarabangsa.

Bagi memastikan agenda universiti dalam **memperkasa jaringan strategik dengan alumni dan tanggungjawab sosial kepada komuniti** dilaksanakan dengan efektif, Penyelaras PSTU berperanan membantu Pengurusan Kanan FKPM melalui pemantauan menyeluruh terhadap semua Petunjuk Prestasi (PI) yang diamanahkan. Ini termasuk PI yang melibatkan aktiviti alumni, komuniti, dan kesukarelawan. Laporan status pelaksanaan projek oleh ketua projek dan penyelaras di setiap peringkat program dan bahagian akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan. Langkah ini memastikan semua ketua program dan bahagian cakna serta proaktif dalam memantau dan mencapai prestasi semasa PI. Berdasarkan pemantauan terkini, sebarang isu dan cabaran yang dikenalpasti semasa pelaksanaan program akan segera dibincangkan dalam mesyuarat penambahbaikan. Cadangan penyelesaian yang relevan akan dibentangkan, dan tindakan susulan diambil dengan melibatkan Pengurusan Kanan FKPM. Langkah proaktif ini memastikan setiap permasalahan ditangani dengan berkesan, menjamin kelancaran serta keberhasilan program yang selaras dengan objektif FKPM.



## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan FKPM menggunakan pendekatan kepimpinan progresif, dalam memotivasi warga FKPM secara intelektual untuk bersama melaksanakan dan menjayakan aspirasi UiTM dan menggerakkan BT Alumni, Komuniti dan Keusahawanan khususnya. Bagi tahun 2023, FKPM telah memfokuskan agenda **memperkasa jaringan strategik bersama alumni serta tanggungjawab sosial universiti terhadap komuniti** dalam membantu UiTM mencapai visi dan misi sebagai sebuah universiti terkemuka dunia selaras dengan 1) Objektif 9 Pelan Strategik UiTM2025, 2) Pemetaan Strategik UiTM2025, 3) Teras Strategik 2: Kecemerlangan Global, 4) Amanat Menteri Pengajian Tinggi dalam Strategi Kelima: Memacu Kesejahteraan Komuniti (Lampiran 1.2.1). Komitmen Pengurusan Kanan FKPM dalam menyokong agenda memperkasa jaringan strategik bersama alumni serta tanggungjawab sosial terhadap komuniti juga dapat dilihat melalui saranan Dekan secara terus kepada semua warga untuk melaksanakan jalinan kerjasama dengan alumni dan juga komuniti untuk kebaikan bersama di masa hadapan.

Dalam merangka agenda memperkasa jaringan strategik bersama alumni serta tanggungjawab sosial terhadap komuniti, Pengurusan Kanan FKPM mengaplikasikan pendekatan *Hybrid Approach* iaitu *Top-down* dan *Bottom-up* secara berkesan. Pendekatan *Top-down* dilaksanakan dengan mengagihkan Petunjuk Prestasi (PI) yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) kepada program dan bahagian di FKPM. Agihan ini dibuat melalui perbincangan mendalam antara ketua program dalam Bengkel Perancangan Strategik FKPM 2023, berdasarkan kompetensi dan ketersediaan warga FKPM. Strategi ini memastikan penyelarasan yang teliti, memperkukuh objektif bersama dan memaksimumkan potensi setiap individu dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Hasil persetujuan bersama telah diterjemahkan ke dalam Pelan Tindakan Strategik (SAP) FKPM yang menjadi rujukan dan panduan pelaksanaan inisiatif strategik sepanjang tahun 2023 (Lampiran 1.2.2).

Pendekatan *Bottom-down* pula dilaksanakan dengan permohonan kelulusan daripada Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) bagi cadangan pelaksanaan program dan aktiviti oleh program, bahagian, kelab melalui mesyuarat JAF. Kelulusan pelaksanaan program dan aktiviti adalah penting bagi memastikan JAF mengambil maklum dan memberi sokongan sepenuhnya kepada warga FKPM terutamanya apabila melibatkan kelulusan dana kewangan (Lampiran 1.2.3).

Ketampakan barisan Pengurusan Kanan FKPM yang dinamik serta kepimpinan transformasional yang menyerlah dapat dilihat melalui kolaborasi secara dan perkongsian pintar yang memberi faedah kepada komuniti. Pengurusan Kanan FKPM sentiasa menyokong dan menggalakkan warga FKPM menambahbaik hubungan dengan pihak luar melalui MoU/LOI bagi merealisasikan agenda memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan tanggungjawab sosial kepada komuniti (Lampiran 1.2.4). Semua proses ini dibuat berteraskan **SYNERGY** dan membantu meningkatkan keterlibatan FKPM dan alumni, dan komuniti tempatan, nasional dan antarabangsa.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0029 K01 KB02 20241 BUKTI KRITERIA 1.pdf](#)

- 
2. [F0029\\_K01\\_KB02\\_20242\\_BUKTI 1.2.2 ATURCARA BENGKEL STRATEGI LONJAKAN NA revised \(1\).pdf](#)
  3. [F0029\\_K01\\_KB02\\_20243\\_BUKTI 1.2.2 131222 PEMBENTANGAN PRESTASI PI 2022 DAN PI 2023 KPPIM \(1\).pdf](#)
  4. [F0029\\_K01\\_KB02\\_20244\\_BUKTI 1.2.3 Surat Kelulusan Program Sulam Dok Panic 2.0 \(3\).pdf](#)
  5. [F0029\\_K01\\_KB02\\_20245\\_BUKTI KRITERIA 1.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan FKPM amat fokus dalam mempergiatkan usaha ke arah pencapaian objektif strategik dan keberhasilan projek jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan menggunakan pendekatan yang telah dirangka. Maka, kaedah perluasan yang efektif telah dilaksanakan agar penyampaian informasi berkenaan perancangan, inisiatif, serta hasil kejayaan projek jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan diketahui dan dimanfaatkan oleh seluruh warga FKPM dan pemegang taruh. Justeru, dengan kerjasama PSTU FKPM, perluasan melalui penurunan Petunjuk Prestasi (PI) kepada program dan bahagian FKPM secara tuntas dibuat agar perancangan di peringkat masing-masing dapat dijalankan (Lampiran 1.3.1).

Seterusnya, perluasan informasi tersebut kepada semua warga FKPM dilaksanakan antaranya melalui penganjuran program seperti Mesyuarat Bersama Staf Akademik, Mesyuarat Bersama Staf Pentadbiran, Perjumpaan dengan Pelajar Baharu, Perjumpaan dengan Pelajar Lama, Perjumpaan dengan Staf Akademik dan Pelajar Kampus Cawangan, Mesyuarat Pengurusan serta Mesyuarat Akademik telah berjaya dilaksanakan dan memudahkan lagi capaian interaksi dua hala semua pihak. Manakala di peringkat UiTM pula, sesi perbincangan telah diadakan bersama Naib Canselor UiTM selain daripada hebahan di UFM, dan hasilnya memperlihatkan bahawa sokongan dan kerjasama jitu melibatkan kepimpinan UiTM dan FKPM telah memperkukuhkan lagi kualiti perancangan dan pelaksanaan projek jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan (Lampiran 1.3.2).

Inisiatif FKPM turut disebarluas diperingkat antarabangsa yang merupakan mekanisme terbaik dalam mempergiatkan lagi publisiti serta hebahan projek jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan FKPM yang membawa nilai ketampakan FKPM ke arah sasaran GRU 2025. Justeru, penganjuran dan penglibatan FKPM dalam program, webinar, persidangan, lawatan akademik majlis menandatangani MoU dan program mobiliti pengantarabangsaan telah dipertingkatkan. Antaranya adalah Journipedia di Jakarta, SIKAP di Tokyo, di mana kolaborasi akademik ini dapat membuka lebih banyak peluang kepada jalinan hubungan dan kejayaan projek jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan, FKPM tampaknya melangkaui sempadan (Lampiran 1.3.3).

Semua inisiatif ini bertujuan untuk mencapai sebanyak mungkin kejayaan dan penghargaan hingga ke peringkat global. Selain sasaran untuk menerima penghargaan dan pengiktirafan dari pihak luar, kejayaan yang diharapkan adalah melalui beberapa pertandingan yang diadakan oleh UiTM. Seterusnya, segala bentuk inisiatif dan kejayaan tersebut disebarluaskan lagi menerusi peranan hebahan maklumat melalui media sosial rasmi FKPM seperti hebahan program utama FKPM, pelaporan kemajuan, dan kejayaan projek juga kekerapan penulisan artikel akhbar khususnya bidang berkaitan bidang tumpuan dibuat di peringkat umum (Lampiran 1.3.4).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_K01\\_KB03\\_20241\\_BUKTI KRITERIA 3.pdf](#)
2. [F0029\\_K01\\_KB03\\_20242\\_BUKTI KRITERIA 3.pdf](#)
3. [F0029\\_K01\\_KB03\\_20243\\_BUKTI KRITERIA 3.pdf](#)
4. [F0029\\_K01\\_KB03\\_20244\\_BUKTI KRITERIA 3.pdf](#)
5. [F0029\\_K01\\_KB03\\_20245\\_BUKTI KRITERIA 3.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan Kanan FKPM sentiasa memberi perhatian serius terhadap setiap maklum balas daripada pihak berkepentingan, menjadikannya sumber utama dalam proses pemantauan untuk memastikan kualiti perkhidmatan, pelaksanaan, pembangunan, dan kemajuan projek sentiasa berada pada tahap tertinggi. Pendekatan ini juga berfungsi untuk mengenal pasti punca kekangan dan kegagalan dalam pelaksanaan projek yang melibatkan alumni, komuniti, dan sukarelawan, dengan tujuan meminimumkan risiko serta melancarkan gerak kerja projek.

Berpandukan amalan terbaik Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM, proses pemantauan dilaksanakan dengan merujuk kepada manual, polisi, garis panduan, dan prosedur yang komprehensif. Tadbir Urus UiTM turut menjadi asas dalam pembentukan pelan tindakan pemantauan PS FKPM yang lebih tepat dan jitu (Lampiran 1.4.1.1).

Selaras dengan sumber rujukan tersebut, Pengurusan Kanan FKPM menetapkan agar kaedah pemantauan, seperti kaji selidik, analisis data sistem UiTM, pelaporan berterusan, serta maklum balas pelanggan dan pihak berkepentingan, diamalkan secara konsisten. Antara amalan tersebut termasuk perbincangan dan pembentangan dalam Bengkel Perancangan Strategik FKPM serta Laporan Kajian Keberkesanan Graduan, yang menyediakan maklum balas penting dan data bernilai (Lampiran 1.4.1.2). Data ini disusun dan dikendalikan secara sistematik, menjamin proses analisis yang lancar oleh pasukan PS FKPM (Lampiran 1.4.1.3), sebelum laporan tersebut dikemukakan kepada Pengurusan Kanan FKPM untuk tindakan lanjut.

Bagi menyokong usaha ini, lantikan pentadbir akademik seperti koordinator dan penyelaras diletakkan di bawah Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), serta Unit Kualiti dan Unit Pengurusan Risiko. Selain itu, jawatankuasa projek yang terdiri daripada sumber manusia FKPM yang mahir turut dibentuk bagi menggerakkan projek alumni, komuniti, dan industri. Pelantikan ini bertujuan untuk merangka strategi, melaksanakan, dan mengurus projek secara menyeluruh, di samping menyampaikan laporan dan dapatan secara berkala kepada Pengurusan Kanan FKPM untuk pemantauan berterusan (Lampiran 1.4.1.4).

Dengan pendekatan menyeluruh ini, FKPM memastikan setiap projek dijalankan dengan lancar, berkualiti, dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20241\\_BUKTI 1.4.1.pdf](#)
2. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20242\\_BUKTI 1.4.1.pdf](#)
3. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20243\\_BUKTI 1.4.1.pdf](#)
4. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20244\\_BUKTI 1.4.1.pdf](#)
5. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20245\\_BUKTI 1.4.1.pdf](#)



## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan projek alumni, komuniti, serta kesukarelawan berjalan lancar di bawah pemantauan yang efektif, Pengurusan Kanan FKPM memberikan penekanan serius dalam mengenal pasti dan mengurus risiko projek BT. Berpandukan Dasar Pengurusan Risiko UiTM, pelbagai langkah proaktif telah diambil untuk mengenal pasti risiko spesifik bagi setiap projek. Teknik dan strategi analisis yang komprehensif digunakan berdasarkan klasifikasi risiko, dengan kerjasama erat bersama PSTU dan pihak yang dipertanggungjawabkan (Lampiran 1.4.2.1). Di peringkat awal lagi, beberapa risiko utama yang berpotensi mengganggu kelancaran pelaksanaan projek telah berjaya dikenalpasti, termasuk risiko reputasi, risiko strategik, risiko operasi, dan risiko proses.

Pengurusan Kanan FKPM turut menggunakan platform pemantauan berkesan, seperti mesyuarat dalaman dan audit, bagi memantau kemajuan projek alumni, komuniti, dan kesukarelawan. Melalui analisis terhadap dokumen pelaporan seperti **\*\*Laporan Analisa Risiko\*\*** dan **\*\*Pelaporan Pencapaian PI PJI\*\***, setiap kategori risiko BT yang telah dikenal pasti dianalisis dengan teliti. Ini membolehkan Pengurusan Kanan FKPM mengenalpasti potensi risiko yang signifikan, seperti kegagalan mencapai sasaran atau pengumpulan data yang tidak tepat.

Selaras dengan pendekatan ini, laporan risiko dan kemajuan projek/program BT dibentangkan secara berkala, dengan penglibatan koordinator, penyelaras, serta pengarah projek/program. Pelaporan kemajuan tersebut dihantar kepada PSTU FKPM untuk diproses dan seterusnya dimajukan kepada Pengurusan Kanan FKPM untuk tindakan lanjut (Lampiran 1.4.2.2). Melalui langkah-langkah ini, FKPM memastikan setiap projek dijalankan dengan tahap keberkesanan dan pengurusan risiko yang tinggi.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20241\\_BUKTI 1.4.2.pdf](#)
2. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20242\\_BUKTI 1.4.2.pdf](#)
3. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20243\\_BUKTI 1.4.2.pdf](#)
4. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20244\\_BUKTI 1.4.2.pdf](#)
5. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20245\\_BUKTI 1.4.2.pdf](#)

### **1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Untuk memastikan kecemerlangan pelaksanaan projek alumni, komuniti, dan kesukarelawan sentiasa terjamin, Pengurusan Kanan FKPM secara berterusan mengkaji setiap aspek pemantauan dan kategori risiko. Langkah ini penting untuk mengenalpasti sumber ketidakcekapan dan mengukuhkan lagi kemenjadian hasil projek. Di samping itu, pembentukan tindakan pencegahan dan penambahbaikan menjadi fokus utama bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan, penyampaian operasi, serta perkhidmatan yang terlibat dalam pelaksanaan projek BT (Lampiran 1.4.3.1).

Penekanan juga diberikan kepada penambahbaikan yang dilakukan selepas setiap sesi kajian semula permasalahan dan kemajuan projek selesai. Penghasilan **\*\*Pelan Tindakan Strategik (SAP)\*\*** merupakan salah satu inisiatif penting yang dilaksanakan bagi mengukuhkan pelaksanaan projek BT, sekaligus memastikan setiap langkah yang diambil selari dengan matlamat strategik organisasi (Lampiran 1.4.3.2).

Sebagai tanda komitmen yang utuh terhadap pencapaian objektif strategik, Pengurusan Kanan FKPM juga melaksanakan beberapa inisiatif tambahan. Ini termasuklah peringatan mesra berhubung penghantaran pelaporan dan memuat naik poster penghargaan kepada penyumbang data secara konsisten. Langkah-langkah kecil tetapi signifikan ini memperkukuh semangat kerjasama serta memastikan data yang diterima tepat dan relevan untuk kemajuan projek alumni, komuniti, dan kesukarelawan (Lampiran 1.4.3.3).

Dengan pendekatan yang proaktif dan teliti ini, Pengurusan Kanan FKPM terus memastikan kejayaan projek BT melalui pengurusan yang lebih tersusun dan berimpak tinggi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20241\\_BUKTI 1.4.3.pdf](#)
2. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20242\\_BUKTI 1.4.3.pdf](#)
3. [F0029\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20243\\_BUKTI 1.4.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pengukuhan teras SYNERGY dalam pelaksanaan BT Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawan FKPM sepanjang tahun 2023 telah mencipta kejayaan gemilang. Melalui proses integrasi yang cekap, Pengurusan Kanan FKPM berjaya menggerakkan kecekapan sumber manusia, memperkukuhkan perancangan strategik, dan menyampaikan perkhidmatan berkualiti yang selaras dengan pencapaian objektif strategik serta sasaran PI. Kejayaan ini bukan sahaja memberi impak besar kepada komuniti dan alumni, tetapi juga mencakupi keseluruhan program serta bahagian di FKPM (Lampiran 1.5.1).

Pembudayaan inovasi integrasi di FKPM telah membuktikan kemampuan kepelbagaian kepakaran serta kecekapan sumber manusianya dalam menyampaikan perkhidmatan dan melaksanakan projek BT. Kejayaan ini diiktiraf melalui pelbagai penghargaan, pencapaian, dan pengiktirafan di peringkat UiTM, kebangsaan, serta industri, menunjukkan reputasi FKPM yang terus berkembang (Lampiran 1.5.2).

Pengurusan Kanan FKPM dengan penuh komitmen terus mendukung inisiatif pemerkasaan program BT berimpak tinggi, yang meliputi kesukarelawan, jaringan alumni, dan komuniti. Usaha ini bukan sahaja membuka mata warga FKPM, tetapi juga memberi inspirasi untuk meneruskan projek seumpamanya, selaras dengan Objektif, Visi, dan Misi UiTM (Lampiran 1.5.3).

Kejayaan program alumni, komuniti, dan kesukarelawan jelas menunjukkan tumpuan Pengurusan Kanan FKPM dalam membina integrasi dan SYNERGY melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi. Ini terbukti dengan penerimaan lawatan penanda aras antarabangsa dan peningkatan perjanjian MoU dengan pihak industri dan antarabangsa (Lampiran 1.5.4). Hasilnya, FKPM telah berjaya mengukuhkan hubungan dengan rakan sinergi, membuka peluang kolaborasi yang diyakini mampu memberi impak positif, khususnya dalam menangani isu kemasyarakatan melalui aktiviti jaringan alumni, komuniti, dan kesukarelawan. Semua ini turut menyumbang kepada pencapaian pelan Strategik UiTM2025 ke arah Kompetensi Global.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_K01\\_KB05\\_20241\\_BUKTI 1.5.pdf](#)
2. [F0029\\_K01\\_KB05\\_20242\\_BUKTI 1.5.pdf](#)
3. [F0029\\_K01\\_KB05\\_20243\\_BUKTI 1.5.pdf](#)
4. [F0029\\_K01\\_KB05\\_20244\\_BUKTI 1.5.pdf](#)
5. [F0029\\_K01\\_KB05\\_20245\\_BUKTI 1.5.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Semua projek dan program berimpak tinggi yang dihasilkan oleh warga FKPM adalah berpandukan kepada Perancangan Strategik / *Strategic Planning* (SP) yang selari dengan 3 asas utama iaitu **Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2023-2025, Pelan Strategik UiTM 2025** dan juga **Sustainability Development Goals (SDG)**. Selain daripada asas-asas yang tersebut di atas, perancangan 6 projek utama dibawah bidang tumpuan yang dipilih ini turut berpandukan kepada perancangan strategik FKPM. Kepimpinan tertinggi FKPM turut melantik ahli jawatankuasa khas perancangan strategik FKPM dalam usaha merancang projek-projek berbentuk masyarakat dan hubungan alumni yang strategik dan berimpak tinggi.

Kepimpinan tertinggi FKPM turut melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang cekap dan berkesan serta sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara berterusan. Inisiatif seperti Bengkel Perancangan Strategik yang dijalankan juga antara salah satu usaha dalam merancang serta membentangkan hasil perancangan strategik yang boleh membantu dalam meningkatkan pengetahuan berkaitan bidang tumpuan yang dipilih. Pemerksaan yang dilaksanakan ini adalah bagi mendapatkan maklumat yang lengkap bagi perancangan strategik yang mantap untuk pihak pengurusan FKPM sendiri. FKPM menggunakan teras '**SYNERGY**' dalam setiap perancangan strategik yang dilaksanakan. **SYNERGY** merujuk kepada :

S – Strength  
Y – Yield  
N – Network  
E – Excellence  
R – Resourcefulness  
G – Growth  
Y – Yearning

Pelaksanaan program yang melibatkan *community engagement* dan juga kesukarelawan staf, alumni dan pelajar secara tidak langsung mewujudkan perhubungan strategik dengan industri luar berlandaskan kepada teras SYNERGY tersebut. 3 Objektif utama dalam perancang startegik FKPM dalam bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan adalah :

1. Memperluas dan Memperkukuhkan Jaringan Alumni
2. Mempromosikan Inisiatif Kesukarelawanan Berasaskan Komuniti
3. Mengintegrasikan Alumni dalam Program Penglibatan Komuniti

Bagi mencapai objektif yang tersebut di atas, langkah-langkah *perancangan (Plan)*, *pelaksanaan (Do)*, *pemantauan (Check)* dan *tindakan penambahbaikan (Act)* untuk perancangan strategik organisasi dilaksanakan secara menyeluruh. PDCA atau *Plan, Do, Check* dan *Act* merupakan empat tahap atau proses dalam pengendalian dan peningkatan sistem sesebuah organisasi dalam memastikan pelaksanaan yang strategik dapat dicapai.

#### **Perancangan (Plan)**

FKPM merangka strategi pelaksanaan termasuk mengenal pasti sumber yang diperlukan seperti dana, tenaga kerja, bahan pengajaran dan pembelajaran, dan kemudahan. FKPM juga mengenalpasti keperluan pelajar dan menetapkan matlamat khusus yang ingin dicapai oleh program atau projek serta menentukan indikator prestasi utama (KPI) dan jadual pelaksanaan untuk memastikan projek berjalan mengikut perancangan.

#### **Pelaksanaan (Do)**

Program berimpak tinggi yang telah mendapat kelulusan akan dilaksanakan seperti yang dirancang dengan pemantauan penasihat dan jawatankuasa yang dilantik. Proses

pemantauan adalah untuk memastikan program berjalan mengikut pelan. Sebarang masalah atau cabaran perlu ditangani dengan segera.

### **Pemantauan (Check)**

FKPM mengumpulkan data prestasi pelajar / program, maklum balas dari pelajar dan pihak berkepentingan, serta hasil yang dicapai berbanding KPI yang ditetapkan. Analisis data juga dilaksanakan untuk menentukan sama ada program mencapai matlamatnya atau tidak, dan mengenalpasti aspek yang berjaya dan yang memerlukan penambahbaikan.

### **Penambahbaikan (Act)**

Berdasarkan analisis, FKPM membuat penambahbaikan yang diperlukan pada program untuk meningkatkan keberkesanan pada masa akan datang. Data-data berkaitan program yang dijalankan akan dilapor dan didokumentasikan bagi tujuan rujukan untuk program yang akan datang.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memastikan hala tuju fakulti berada di landasan yang betul, pengurusan kanan FKPM sentiasa memastikan semua program yang dijalankan di bawah bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawanan selari dengan aspirasi UiTM, dasar pendidikan tinggi negara dan juga sasaran global. 3 asas utama yang menjadi rujukan UiTM termasuklah:

1. Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia 2023-2025
2. Pelan Strategik Universiti Teknologi MARA 2025
3. Sustainability Development Goals (SDG)

Dalam usaha ini, fakulti menerapkan konsep **SYNERGY** - *Strength, Yield, Network, Excellence, Resourcefulness, Growth, dan Yearning* untuk semua program berimpak tinggi yang dilaksanakan di bawah bidang tumpuan seperti '*INCspect: Buy Right Buy Safely*', *National Young Journalist Convention (NYJC) & Journiepedia*, *Projek Pinggan Licin, Eh! Kau Putar Ek! (Service-Learning Malaysia-University for Society - SULAM)*, *Rioooh Raya 2023 & Pasar Loka Klasik*. Pendekatan **SYNERGY** ini merangkumi elemen-elemen berikut:

**Strength (Kekuatan):** FKPM menggembeng kekuatan tenaga pengajarnya serta hubungan erat dengan alumni untuk memastikan program-program berimpak tinggi seperti *INCspect: Buy Right, Buy Safely* dan *National Young Journalist Convention (NYJC) & Journiepedia* dilaksanakan dengan cemerlang (**Rujuk Bukti 5**). Kekuatan ini juga dicerminkan melalui kolaborasi strategik dengan alumni yang memperkukuhkan hasil yang memberi manfaat kepada pelajar, staf, dan alumni.

**Yield (Hasil):** Program-program yang dijalankan seperti *Projek Pinggan Licin* dan *Pasar Loka Klasik* membuah hasil yang berimpak tinggi, seiring dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi 2023-2025 (**Rujuk Bukti 1**). Hasil ini bukan sahaja memenuhi aspirasi pendidikan tinggi negara tetapi juga menyokong sasaran global iaitu Sustainability Development Goals (SDG) di bawah SDG12 – Responsible Consumption and Production (**Rujuk Bukti 3**).

**Network (Rangkaian):** Hubungan erat antara FKPM dengan komuniti, alumni, dan pihak industri memperluaskan rangkaian kerjasama. Hubungan baik ini menyumbang kepada penghasilan program-program berimpak tinggi seperti program *Journiepedia & NYJC* yang menyokong SDG17 – Partnership for the Goals melalui kerjasama pintar dan strategik dengan pelbagai pihak.

**Excellence (Kecemerlangan):** Dalam semua usaha ini, FKPM komited untuk mencapai kecemerlangan, sama ada dalam pelaksanaan program atau dalam pembangunan ekosistem pendidikan yang menyokong pembelajaran dalam talian global seperti yang disasarkan di bawah Hala Tuju 9 Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi (**Rujuk Bukti 1**).

**Resourcefulness (Kebijaksanaan):** FKPM menggunakan sumber dengan bijaksana, memanfaatkan kepakaran dan kemudahan sedia ada untuk melaksanakan program-program CSR dan pindahan ilmu kepada komuniti, contohnya melalui *Projek Pinggan Licin* yang mempromosikan SDG12 – Responsible Consumption and Production.

**Growth (Pertumbuhan):** Semua inisiatif ini menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan fakulti yang mampan, selaras dengan Tema Strategik UiTM seperti *Graduan Seimbang dan Berciri Keusahawanan* serta *Perkongsiannya Pintar Industri, Komuniti dan Alumni* (**Rujuk Bukti 2**).

**Yearning (Keinginan yang Kuat):** FKPM menunjukkan keinginan yang kuat untuk mencapai keunggulan global, selaras dengan Hala Tuju 8 Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi, dengan terus memperkukuhkan kerjasama antarabangsa dan memastikan program yang dijalankan berimpak tinggi serta relevan dengan kehendak semasa.

Melalui pendekatan **SYNERGY**, FKPM tidak hanya berfungsi sebagai sebuah fakulti, tetapi juga

sebagai agen perubahan yang berusaha ke arah kecemerlangan dalam semua aspek. Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja mencerminkan komitmen terhadap aspirasi UiTM dan dasar pendidikan tinggi negara, tetapi juga memberikan sumbangan penting kepada pencapaian Sustainability Development Goals (SDG) di peringkat global.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0029\\_P01\\_PB02\\_20241\\_PSKPT 2023 - 2025.pdf](#)
2. [F0029\\_P01\\_PB02\\_20242\\_PSUITM.pdf](#)
3. [F0029\\_P01\\_PB02\\_20243\\_SDG.pdf](#)
4. [F0029\\_P01\\_PB02\\_20244\\_Bukti 4.2.1.1 program synergy .pdf](#)
5. [F0029\\_P01\\_PB02\\_20245\\_LAPORAN AKHIR PROGRAM JOURNEPEDIA HEP.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan perancangan strategik fakulti dilaksanakan menggunakan pelbagai mekanisme penting yang masih berasaskan konsep **SYNERGY (Rujuk Bukti 1)**. Setiap elemen dalam SYNERGY—*kekuatan (Strength)*, *hasil (Yield)*, *rangkaian (Network)*, *kecemerlangan (Excellence)*, *kebijaksanaan (Resourcefulness)*, *pertumbuhan (Growth)*, dan *keinginan yang kuat (Yearning)*—dijadikan asas dalam memacu hala tuju fakulti ke arah pencapaian yang lebih gemilang.

Komunikasi berkesan merupakan mekanisme utama dalam memperluas perancangan strategik di peringkat fakulti. Pelbagai medium komunikasi seperti WhatsApp, emel, media sosial, serta sesi dialog secara fizikal digunakan secara maksimum untuk menyampaikan maklumat dengan pantas dan efisien. Melalui penyampaian maklumat ini, seluruh warga fakulti dan pemegang taruh sentiasa maklum tentang kedudukan terkini fakulti dan dapat bergerak bersama ke arah pencapaian yang lebih baik. Penggunaan teknologi komunikasi ini mencerminkan kebijaksanaan (*Resourcefulness*) fakulti dalam memanfaatkan sumber yang ada untuk meningkatkan sinergi antara bahagian dalam usaha berterusan mencapai perancangan yang digariskan.

**Synergising The Curriculum: The Way Forward** merupakan salah satu inisiatif signifikan oleh pengurusan kanan fakulti untuk meningkatkan sinergi (*Network*) antara warga fakulti (**Rujuk Bukti 2**). Program ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform untuk menyampaikan amanat dekan, tetapi juga sebagai ruang untuk penyebaran maklumat mengenai objektif dan inisiatif strategik fakulti. Dengan kehadiran alumni tersohor seperti Prof Dato' Dr Ahmad Murad bin Merican, yang kini menjadi pakar rujuk dalam bidang komunikasi dan pengajian media, program ini berjaya mewujudkan dialog yang konstruktif. Ini memberi peluang kepada warga fakulti untuk berkongsi masalah dan idea dengan pihak pengurusan tertinggi, seterusnya mendorong kepada penambahbaikan berterusan yang mencerminkan keinginan kuat (*Yearning*) fakulti untuk mencapai kecemerlangan (*Excellence*).

Portal Berita milik FKPM - [Dimensi](#) dan [Journalism Colloquium](#) menjadi dua platform utama yang dimanfaatkan oleh Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media untuk menyebarkan maklumat terkini mengenai aktiviti dan program yang dianjurkan. Platform ini memainkan peranan penting dalam memupuk semangat kesatuan dan sinergi (*Strength dan Network*) dalam kalangan warga fakulti. Melalui penyampaian maklumat yang telus dan menyeluruh, pelajar, kakitangan, alumni, dan komuniti luar dapat mengikuti perkembangan semasa dan menyumbang kepada peningkatan hasil (*Yield*) fakulti. Ini juga menunjukkan bagaimana fakulti menggunakan kebijaksanaan (*Resourcefulness*) dalam memanfaatkan teknologi digital untuk memperkukuh sinergi di kalangan warga fakulti.

Perluasan Antarabangsa adalah bukti pertumbuhan (*Growth*) strategik fakulti yang kini melangkaui sempadan negara. Melalui kolaborasi dengan universiti antarabangsa seperti **University of Zululand Afrika Selatan, University Autonoma de Chile, LSPR Communication and Business Institute Indonesia, Universitas Pendidikan Indonesia, dan University of Central Punjab Pakistan**, FKPM berjaya mengukuhkan rangkaian (*Network*) dan memajukan perancangan strategik fakulti di peringkat global (**Rujuk Bukti 4**). Ini selaras dengan keinginan kuat (*Yearning*) fakulti untuk mencapai pengiktirafan dan kecemerlangan (*Excellence*) di peringkat antarabangsa.

Dalam usaha memaksimumkan komunikasi yang efektif, FKPM turut menggunakan platform media sosial seperti WhatsApp, Instagram, Facebook, emel rasmi, dan laman sesawang fakulti. Melalui aplikasi WhatsApp, kumpulan 'MC Academic Official' (**Rujuk Bukti 5**) berfungsi sebagai saluran rasmi untuk menyampaikan maklumat penting dengan pantas kepada staf akademik dan pentadbiran. Penggunaan pelbagai medium komunikasi ini mencerminkan kebijaksanaan (*Resourcefulness*) fakulti dalam memastikan setiap maklumat disampaikan dengan cepat dan



lepas, seterusnya mengambing kepala perantaraan (entry) dan kecemerlangan (*Excellence*) fakulti secara keseluruhan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_P01\\_PB03\\_20241\\_Bukti 4.2.1.1 program synergy .pdf](#)
2. [F0029\\_P01\\_PB03\\_20242\\_Universiti Teknologi MARA Mail - JEMPUTAN KE PROGRAM SYNERGISING THE CURRICULUM\\_ THE WAY FORWARD.pdf](#)
3. [F0029\\_P01\\_PB03\\_20243\\_SINERGI DEKAN.pdf](#)
4. [F0029\\_P01\\_PB03\\_20244\\_MOU MOA.pdf](#)
5. [F0029\\_P01\\_PB03\\_20245\\_mc academic official.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan perancangan strategik untuk program dan projek di bawah bidang tumpuan alumni, komuniti, dan kesukarelawan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) adalah penting untuk memastikan keberkesanan setiap inisiatif. Beberapa langkah utama telah diambil untuk memastikan program-program ini berjalan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan.

**Fungsi Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti (PSTU, FKPM)** adalah kunci dalam proses ini, dengan menggunakan pendekatan PDCA (Plan-Do-Check-Act). Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti bertanggungjawab dalam memantau pelaporan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Petunjuk Prestasi (PI) dan Strategic Action Plan (SAP) dengan semua pemegang data di bawah FKPM (**Rujuk Bukti 1**). Melalui kitaran PDCA, perancangan program dilakukan dengan teliti, diikuti oleh pelaksanaan, pemantauan, dan tindakan penambahbaikan jika diperlukan. Pendekatan ini tidak hanya memastikan program beroperasi dengan baik dan memenuhi matlamat yang telah digariskan, tetapi juga memupuk budaya penambahbaikan berterusan dalam pelaksanaan inisiatif.

Selain itu, **mesyuarat pengumpulan data pencapaian penunjuk prestasi (PI)** diadakan secara berkala untuk memantau kemajuan program (**Rujuk Bukti 2**). Data yang dikumpulkan membantu menilai sejauh mana program mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan membuat keputusan yang lebih baik mengenai strategi masa depan.

**Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri** juga memainkan peranan penting dalam memantau projek-projek ini. Mereka bertanggungjawab memastikan projek dilaksanakan mengikut garis panduan dan standard kualiti yang ditetapkan, sambil mengenal pasti peluang kerjasama dengan industri yang dapat meningkatkan impak program. Ini selaras dengan pendekatan SYNERGY FKPM yang menggalakkan kolaborasi antara fakulti, industri, dan komuniti.

**Pelan tindakan strategik (Strategic Action Plan - SAP)** disediakan untuk setiap program, merangkumi objektif dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai sasaran (**Rujuk Bukti 3, 4 dan 5**). Pelan ini menjadi panduan utama dalam proses pemantauan dan penilaian. Laporan keberkesanan objektif program diteliti melalui mesyuarat kaji semula pengurusan, yang menilai sejauh mana objektif program tercapai dan mengenal pasti kelemahan yang perlu diperbaiki. Ini memastikan program yang lebih berkesan dan bermanfaat pada masa akan datang.

Dengan langkah-langkah ini, FKPM memastikan program di bawah bidang alumni, komuniti, dan kesukarelawan memberi impak positif kepada semua pihak yang terlibat.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20241\\_21072023094604-0001.pdf](#)
2. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20242\\_Updated invitation PERUBAHAN MESYUARAT PENETAPAN PI FKPM @ Wed Nov 8, 2023 12.pdf](#)
3. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20243\\_STRATEGIC ACTION PLAN \(SAP\)-HEP 2021.pdf](#)

- .. ~~.....~~
5. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20245\\_SLIDE STRATEGIC PLANNING PJI 2021.pdf](#)

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Untuk mengenal pasti risiko semasa menjalankan program di bawah bidang alumni, komuniti, dan kesukarelawanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) perlu mengambil pendekatan yang sistematik dan teliti. Proses ini melibatkan beberapa langkah penting yang boleh membantu memastikan setiap program berjalan lancar dan mengurangkan kemungkinan berlakunya isu yang tidak dijangka.

Pertama, penggunaan pendekatan **PDCA (Plan-Do-Check-Act)** oleh **Penyelaras Risiko FKPM** adalah kritikal (**Rujuk Bukti 1**). Pada peringkat perancangan (Plan), risiko potensi perlu dikenal pasti melalui analisis menyeluruh terhadap semua aspek program, termasuk keperluan logistik, penyertaan, kewangan, dan keselamatan. Di sini, analisis SWOT (*Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats*) dapat digunakan untuk menilai kekuatan dan kelemahan dalaman serta mengenal pasti peluang dan ancaman luaran yang mungkin mempengaruhi program. Misalnya, melalui analisis SWOT, FKPM dapat mengenal pasti peluang untuk memperluas rangkaian kerjasama dengan komuniti, sambil mengantisipasi ancaman seperti kekangan bajet atau perubahan polisi (**Rujuk Bukti 2**).

Kedua, **data pencapaian penunjuk prestasi (PI)** yang dikumpulkan melalui mesyuarat pengumpulan data juga boleh menjadi sumber penting untuk mengenal pasti risiko. (**Rujuk Bukti 4**). Dengan meneliti data dari program-program terdahulu, FKPM boleh mengenal pasti corak atau trend yang mungkin menunjukkan potensi risiko dalam program yang sedang dirancang. Ini juga memberi peluang untuk mengenal pasti sebarang kelemahan dalam pelaksanaan program sebelumnya dan memperbaikinya untuk masa depan.

**Fungsi Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri** juga penting dalam proses ini. Dengan memantau pelaksanaan projek, mereka dapat mengenalpasti risiko berkaitan dengan kerjasama pihak luar atau isu-isu lain yang mungkin timbul semasa program dijalankan. Misalnya, jika terdapat masalah dalam komunikasi dengan rakan industri atau komuniti, ini boleh menjadi petanda awal tentang potensi risiko yang perlu ditangani segera.

Selain itu, pelan tindakan strategik (*Strategic Action Plan - SAP*) yang disediakan untuk setiap program perlu merangkumi analisis risiko yang komprehensif. Di sini, analisis SWOT juga boleh dimanfaatkan untuk mengatur strategi mitigasi yang lebih baik berdasarkan penilaian kekuatan dan peluang serta cara mengatasi kelemahan dan ancaman.

Dengan mengikuti langkah-langkah ini dan menggabungkan analisis SWOT dalam proses perancangan, FKPM dapat mengenal pasti risiko dengan lebih berkesan dan mengambil tindakan awal untuk memastikan kejayaan program di bawah bidang alumni, komuniti, dan kesukarelawanan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20241\\_PELANTIKAN MENJALANKAN TUGAS SECARA PENTADBIRAN SEBAGAI PENYELARAS PENGURUSAN RISIKO FKPM - DR ABDUL AZIZ AZIZAM.pdf](#)
2. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20242\\_Panduan\\_Pengurusan\\_Risiko.pdf](#)
3. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20243\\_STRATEGIC ACTION PLAN \(SAP\)-HEP 2021.pdf](#)
4. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20244\\_Updated invitation PERUBAHAN MESYUARAT PENETAPAN PI FKPM @ Wed Nov 8, 2023 12.pdf](#)
5. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20245\\_21072023094604-0001.pdf](#)

## 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

### **Meningkatkan Keberkesanan Program FKPM melalui Pendekatan SYNERGY**

Untuk meningkatkan keberkesanan program alumni, komuniti, dan kesukarelawan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), pendekatan SYNERGY boleh diterapkan dengan menekankan kekuatan (Strength), hasil (Yield), rangkaian (Network), kecemerlangan (Excellence), kebijaksanaan (Resourcefulness), pertumbuhan (Growth), dan keinginan yang kuat (Yearning). **(Rujuk Bukti 1).**

**Memperkuhkan Analisis SWOT dalam Perancangan Program** Penggunaan analisis SWOT yang lebih mendalam membantu FKPM mengenal pasti dan memaksimumkan kekuatan sambil mengatasi kelemahan secara proaktif. Contohnya, memanfaatkan rangkaian sedia ada untuk mencapai hasil yang lebih signifikan dan menggunakan sumber secara bijaksana bagi mengatasi kekangan seperti bajet terhad.

**Meningkatkan Kualiti Mesyuarat Pengumpulan Data** Mengadakan mesyuarat pengumpulan data pencapaian penunjuk prestasi (PI) secara lebih kerap dan terperinci membolehkan pemantauan berterusan terhadap perkembangan program. Ini mencerminkan keinginan yang kuat untuk penambahbaikan dan memastikan pertumbuhan berterusan melalui tindakan pembetulan yang tepat pada masanya, seterusnya meningkatkan kecemerlangan dalam pelaksanaan program **(Rujuk Bukti 2).**

### **Mengukuhkan Peranan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan**

**Industri** Memperkasakan peranan Timbalan Dekan melalui latihan khusus dalam pengurusan risiko dan projek akan meningkatkan kekuatan dan kebijaksanaan mereka dalam menghadapi cabaran. Komunikasi efektif dengan rakan industri dan komuniti juga memperluas rangkaian dan memastikan pencapaian hasil yang lebih optimum bagi setiap projek.

**Mengemas Kini Pelan Tindakan Strategik (SAP) Secara Berkala** Penilaian dan pengemaskinian SAP berdasarkan maklum balas program terdahulu memastikan FKPM terus berkembang dan menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran. Ini menunjukkan komitmen terhadap kecemerlangan dan keinginan yang kuat untuk kekal relevan serta berdaya saing. **(Rujuk Bukti 3).**

**Memperbaiki Proses Kaji Semula Pengurusan Selepas Program** Proses kaji semula yang komprehensif melibatkan semua pihak berkepentingan dalam menilai keberkesanan program. Ini membantu mengenal pasti kelemahan dan mengukuhkan kekuatan, sekaligus meningkatkan impak positif program terhadap alumni, komuniti, dan kesukarelawan **(Rujuk Bukti 4).**

Dengan mengimplementasikan langkah-langkah berasaskan prinsip SYNERGY ini, FKPM dapat memastikan program-program yang dilaksanakan lebih berkesan, relevan, dan memberikan manfaat yang berpanjangan kepada semua pihak yang terlibat.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20241\\_Bukti 4.2.1.1 program synergy .pdf](#)
2. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20242\\_ Universiti Teknologi MARA Mail - JEMPUTAN KE PROGRAM SYNERGISING THE CURRICULUM\\_ THE WAY FORWARD.pdf](#)
3. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20243\\_iAKNC Bengkel SAP 2023.pdf](#)
4. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20244\\_A000 Agenda JAKP Bil 3 2023 - 17.04.2023.pdf](#)
5. [F0029\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20245\\_Updated invitation PERUBAHAN MESYUARAT PENETAPAN PI FKPM @ Wed Nov 8. 2023 12.pdf](#)

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi dan tahap pembudayaan yang terhasil dari pelaksanaan atau penambahbaikan perancangan strategik dalam bidang tumpuan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawanan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) adalah manifestasi komitmen fakulti terhadap kecemerlangan holistik. Pendekatan ini dibina atas dasar prinsip SYNERGY yang merangkumi *Strength, Yield, Network, Excellence, Resourcefulness, Growth, dan Yearning*. Melalui pembudayaan SYNERGY dalam semua inisiatif dan projek, FKPM memastikan setiap usaha yang dijalankan bukan sahaja memenuhi objektif akademik, tetapi juga memberi impak positif kepada komuniti dan alumni.

Satu daripada kejayaan utama FKPM dalam **membudayakan SYNERGY** adalah melalui inovasi dalam bidang tumpuan alumni, komuniti, dan kesukarelawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kejayaan ini dibuktikan melalui **pencapaian dalam pertandingan inovasi** seperti pingat emas yang dimenangi oleh projek '*RAWRimba – Rescue all White Rimba*' di Ekspo Rekacipta UniMAP (EREKA 2023). Selain itu, projek '*Role Play: The Usage Of Dolls In Improving The Self-Care Skills Among Autism Spectrum Disorder Individuals With Sexual Behaviour Problems*' yang meraih pingat perak di International Teaching Aid Competition 2023 (ITAC 2023) menunjukkan komitmen FKPM dalam menghasilkan inovasi yang memberi manfaat besar kepada masyarakat (**Rujuk Bukti 5**).

Satu lagi pencapaian yang membuktikan keberkesanan pendekatan strategik FKPM adalah kejayaan Projek Pinggan Licin, yang memenangi **[Merit Award for Best Idea for Social Good di Kancil Award](#)**. Projek ini bertujuan untuk menangani isu pengurusan sisa makanan di Malaysia, di mana 15,000 hingga 16,000 tan makanan dibazirkan setiap hari. Dengan membudayakan pengurusan rantaian bekalan yang lebih baik, mengubah tingkah laku pengguna, dan meningkatkan kesedaran, Projek Pinggan Licin bukan sahaja mengurangkan pembaziran makanan tetapi juga menyumbang kepada sistem makanan yang lebih lestari dan adil di Malaysia.

Selain itu, inisiatif-inisiatif FKPM mendapat **liputan pelbagai media mainstream** di seluruh negara mahupun di luar negara, menunjukkan bagaimana fakulti ini berjaya meningkatkan visibiliti dan mempengaruhi pemikiran umum melalui program-program yang dijalankan. Liputan media ini juga memainkan peranan penting dalam menyebarkan kejayaan FKPM dan menarik lebih banyak sokongan dari pelbagai pihak (**Rujuk Bukti 4**).

**Hubungan baik yang terjalin antara alumni dan FKPM** turut menyumbang kepada kejayaan ini. Alumni yang terlibat dalam bidang keusahawanan bukan sahaja memberi sumbangan kepada fakulti tetapi juga menjadi bukti kejayaan program-program yang dijalankan oleh FKPM. Donasi dari alumni dan kerjasama erat yang terjalin mengukuhkan lagi kedudukan FKPM sebagai institusi yang berjaya dalam melahirkan graduan yang cemerlang (**Rujuk Bukti 2**).

Hubungan strategik dengan institusi luar negara menunjukkan perancangan strategik membuahkan hasil yang positif. Hubungan baik dengan universiti luar seperti University of Zululand Afrika Selatan, University Autonomia de Chile, LSPR Communication and Business Institute Indonesia, Universitas Pendidikan Indonesia, Canberra University Australia dan University of Central Punjab Pakistan menunjukkan FKPM bergerak aktif untuk berkolaborasi dengan bukan sahaja universiti tempatan tetapi juga universiti luar negara (**Rujuk Bukti 3**).

Secara keseluruhannya, integrasi perancangan strategik yang berteraskan konsep SYNERGY dalam bidang tumpuan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawanan bukan sahaja meningkatkan keberkesanan program-program yang dijalankan tetapi juga mengukuhkan peranan FKPM dalam membentuk masyarakat yang lebih baik dan lestari. Kejayaan ini menunjukkan bahawa dengan perancangan yang teliti dan kerjasama erat antara semua pihak, visi FKPM untuk mencapai kecemerlangan global dapat direalisasikan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_P01\\_PB05\\_20241\\_Inovasi FKPM.pdf](#)
2. [F0029\\_P01\\_PB05\\_20242\\_Kerjasama Alumni.pdf](#)
3. [F0029\\_P01\\_PB05\\_20243\\_MOU MOA.pdf](#)
4. [F0029\\_P01\\_PB05\\_20244\\_media monitoring -2.pdf](#)
5. [F0029\\_P01\\_PB05\\_20245\\_Bukti 4.2.1.1 program synergy .pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### 3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan FKPM terdiri daripada Pelanggan Dalaman dan Luaran. Pelanggan Dalaman FKPM adalah Staf dan Pelajar FKPM, manakala Pelanggan Luaran adalah Staf dan Pelajar Luar FKPM, Alumni, Ibu Bapa Pelajar, Masyarakat, Komuniti, Industri, Kerajaan, Syarikat Pembekal, Rakan Kongsi dan Usahasama. Bagi Pelanggan Bidang Tumpuan (BT) adalah staf UiTM (dalam dan luar FKPM), Pelajar (dalam dan luar FKPM), Penyelidik (dalam dan luar FKPM), Masyarakat, Komuniti, Industri, Kerajaan, Syarikat Pembekal, Rakan Kongsi dan Usahasama.

Pengurusan Kanan FKPM amat menitik beratkan kepuasan semua Pelanggan BT. Lanjutan itu, FKPM telah memastikan **perancangan program** dan pelanggan BT dibuat secara sistematik, berpusat dan selari dengan Pelan Strategik FKPM 2025 yang telah dirangka berdasarkan garis panduan diperingkat universiti (Pelan Strategik UiTM 2025), peringkat Kementerian (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2015 – Pendidikan Tinggi), dan Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pendidikan Tinggi 2012-2015.

Selaras dengan keperluan semasa, Sustainable Development Goals (SDG) turut dirujuk. SDG adalah sebuah dokumen yang diterbitkan oleh PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) pada tahun 2015 yang menetapkan tujuan untuk mencapai pembangunan yang seimbang dan berkelanjutan. Terdapat 17 Matlamat Pembangunan Sempurna (MPS) yang dinyatakan dalam Dokumen SDG, SDG amat penting untuk memastikan **pelaksanaan program-program** perkongsian ilmu di masa hadapan akan berkelanjutan kerana ia menekankan pentingnya pelaksanaan kerjasama secara holistik dan global agar setiap pendekatan program yang menjurus kepada penglibatan pelanggan dapat dirancang dan mencapai objektif yang optimum.

Pengurusan perhubungan pelanggan (Customer Relationship Management - CRM) adalah satu elemen penting dalam strategi perniagaan yang bertujuan meningkatkan kesetiaan dan kepuasan pelanggan. Dalam konteks ini, pengurusan perhubungan pelanggan bererti membangunkan dan mengurus hubungan yang menguntungkan dengan pelanggan melalui pelbagai aktiviti dan strategi. Pengurusan dan **mekanisme pemantuan keberkesanan pelaksanaan program BT** amat penting untuk dinilai dari sudut maklum balas pelanggan. Ini akan menyediakan ruang **penambahbaikan** pada masa hadapan. **Mengenalpasti risiko dan tindakan pencegahan** agar program terlaksana dengan lebih baik dengan belajar dari pengalaman yang lalu.

Dalam konteks Malaysia, pengurusan perhubungan pelanggan telah menjadi lebih penting dalam era globalisasi dan persaingan sengit di pasaran. Industri Pendidikan tinggi tidak ketinggalan di dalam menongkah arus perlumbaan mengejar status institusi pengajian tinggi yang terbaik dimata pelanggan-pelanggan. FKPM telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan pengurusan perhubungan pelanggan dengan menggunakan teknologi CRM dan strategi-strategi lainnya.



### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FKPM sentiasa memastikan pengukuhan inisiatif projek yang dirangka berlandaskan kepada **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pendidikan Tinggi 2021-2025 dan Pelan Strategik UiTM 2025 dan Dasar Pembangunan Mampan (SDG)** yang menjadi teras kepada penentuan Kumpulan sasaran bagi inisiatif projek yang dilaksanakan. **(Rujuk 3.2 Bukti 1)**

Kumpulan sasaran dalam bidang Jaringan Alumni, Komuniti dan Sukarelawan yang dimasukkan adalah pelanggan dalaman (staf dan pelajar) dan pelanggan luaran (alumni, komuniti, industri). Melalui petunjuk prestasi yang telah ditetapkan oleh Pelan Perancangan Strategik, FKPM **(Rujuk 3.2 Bukti 2)** telah mengatur program dan projek mengikut petunjuk prestasi yang telah ditetapkan dengan memastikan setiap pelanggan yang dikenalpasti memperoleh faedah yang telah ditetapkan.

Dalam usaha FKPM mengutamakan kepuasan pelanggan, proses kenal pasti pelanggan sedia ada dan pelanggan yang berpotensi dilakukan dengan mengaplikasi kaedah 'Pengurusan Perhubungan Pelanggan' / Customer Relationship Management (CRM) melalui 2 teras yang merangkumi:

- Kenal pasti pelanggan melalui medium tradisional CRM
- Kenal pasti pelanggan melalui inovatif CRM

Dalam era digital, pengurusan perhubungan pelanggan menjadi lebih penting dan kompleks berikutan pelanggan memiliki pelbagai pilihan dan akses informasi yang lebih luas. Oleh itu, pengurusan perhubungan pelanggan harus dilakukan secara strategis dan efektif untuk meningkatkan kepuasan pelanggan dan meningkatkan nilai tambah.

#### 3.2.1 Pendekatan 1 - Medium tradisional CRM

Kaedah pertama dalam memanfaatkan medium tradisional ialah melalui perjumpaan langsung dengan pelanggan. Untuk menarik minat kumpulan sasaran, diperlukan kaedah yang kreatif dan terancang agar maklumat yang disampaikan dapat difahami dengan lebih jelas dan tepat. Peranan penting CRM adalah memastikan terjalinnya hubungan yang kukuh di antara pengurusan kanan FKPM, alumni, komuniti FKPM, dan kumpulan sasaran serta pihak berkepentingan FKPM. Dengan mengadakan program seperti **Ekspo Selangkah ke UiTM** (10-11 Jun 2023 di DATC) **(Rujuk 3.2 Bukti 3)**, **Misi Akademik FKPM** (29 November 2023) **(Rujuk 3.2 Bukti 4)**, dan sesi perjumpaan bersama industri, kumpulan sasaran berpeluang untuk berinteraksi secara langsung dengan pengurusan kanan FKPM dan mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Selain itu, melalui penggunaan tradisional CRM, FKPM dapat memperkenalkan diri kepada kumpulan sasaran melalui perjumpaan dengan media, alumni, program internship pelajar, dan kerjasama dengan pihak berkepentingan, yang membantu menonjolkan matlamat program dengan lebih efektif. Ini tidak hanya membina hubungan yang baik antara pihak-pihak berkenaan, tetapi juga membuka pintu kepada FKPM untuk merancang projek-projek berimpak tinggi dalam bidang-bidang tertentu.

#### 3.2.1 Pendekatan 2 – Medium Inovatif CRM

Kaedah kedua yang digunakan untuk mendekati pelanggan FKPM melibatkan penerapan teknologi media dan komunikasi baru. FKPM telah memperkasa inisiatif baru melalui penggunaan **aplikasi sosial media dan laman sesawang** **(Rujuk 3.2 Bukti 5)** sebagai salah satu saluran komunikasi antara pensyarah dan pelajar FKPM. Aplikasi ini mewakili sebuah inovasi signifikan dalam usaha mendekati pelanggan. Dengan menggunakan aplikasi ini,

komunikasi yang efektif dapat terbentuk melalui platform yang memungkinkan interaksi antara pensyarah dan pelajar untuk meningkatkan kualiti projek-projek yang sedang dilaksanakan. Selain itu, laman web rasmi FKPM menyediakan maklumat terperinci bagi kumpulan sasaran agar dapat mengakses maklumat rasmi pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Ruang Facebook rasmi FKPM yang aktif juga berperanan penting sebagai platform untuk memelihara hubungan antara kumpulan sasaran dengan pengurusan kanan FKPM.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0029\\_T01\\_TB02\\_20241\\_iAKNC 3.2 BUKTI\\_compressed.pdf](#)
2. [F0029\\_T01\\_TB02\\_20242\\_iAKNC 3.2 BUKTI\\_compressed.pdf](#)
3. [F0029\\_T01\\_TB02\\_20243\\_iAKNC 3.2 BUKTI\\_compressed.pdf](#)
4. [F0029\\_T01\\_TB02\\_20244\\_iAKNC 3.2 BUKTI\\_compressed.pdf](#)
5. [F0029\\_T01\\_TB02\\_20245\\_iAKNC 3.2 BUKTI\\_compressed.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam usaha mengeratkan hubungan di antara FKPM dengan kumpulan pelanggan dan pemegang taruh, pihak pengurusan kanan FKPM secara berterusan mengamalkan kaedah CRM ini dengan menggunakan 2 amalan proses utama iaitu:

- proses profil pelanggan
- proses penglibatan pelanggan

#### 3.3.1 AMALAN 1 – PROSES PROFIL PELANGGAN

Proses Profil Pelanggan: Kajian Kes dan Strategi Pengumpulan Maklumat dalam Kalangan pemegang taruh FKPM.

Dalam konteks penggunaan Sistem Pengurusan Hubungan Pelanggan (CRM) yang dikemukakan oleh FKPM, kumpulan sasar telah dikenalpasti merangkumi individu-individu yang mempunyai kesan penting terhadap fungsi dan operasi universiti. Kumpulan ini melibatkan pengurusan tertinggi universiti, pelajar, ibu bapa, komuniti, pihak industri, pihak alumni, badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan pihak media. Proses profil pelanggan ini membantu FKPM dalam mengumpulkan maklumat yang relevan tentang setiap individu dalam kumpulan sasar dan mengelompokkan mereka mengikut gerak kerja masing-masing.

Sebagai contoh, bahagian Hal Ehwal Pelajar mempunyai pangkalan data tersendiri yang mengumpulkan maklumat tentang pelajar FKPM, manakala Portfolio Penyelidikan dan Jaringan Industri juga mempunyai pangkalan data tersendiri yang mengklasifikasi pemegang taruh dan pelanggan-pelanggan semasa FKPM. Penganalisis data ini penting dalam proses melibatkan pelajar-pelajar dalam projek-projek khususnya projek-projek di bawah bidang tumpuan. **(Rujuk 3.3 Bukti 1)**

Dalam erti kata lain, pangkalan data ini menjadi sumber rujukan utama FKPM apabila pihak pengurusan mula merancang projek-projek berimpak tinggi khusus dalam bidang tumpuan. Tumpuan ini meliputi pihak yang mempunyai **Memorandum of Understanding (MOU)** **(Rujuk 3.3 Bukti 2)** secara langsung dengan FKPM agar segala kerjasama mencapai hasil yang optimum. Oleh itu, penggunaan proses profil pelanggan ini dapat membantu FKPM dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang kumpulan sasar serta meningkatkan efisiensi dalam operasi dan fungsi universiti.

#### 3.3.2 AMALAN 2 – PROSES PENGLIBATAN PELANGGAN

Amalan pemprofilan pelanggan merupakan amalan terbaik dalam usaha pihak kepimpinan tertinggi FKPM bersama warga FKPM untuk mengenal pasti fungsi setiap kumpulan pelanggan ini dalam menjayakan projek- projek di bawah bidang tumpuan. Secara khususnya, pelanggan -pelanggan yang terlibat dalam bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan adalah seperti berikut :

1. INCspect: Buy Right Buy Safely. Kerjasama UiTM dan SIRIM tingkatkan keselamatan pengguna belia, diadakan pada 21 June 2023. Program advokasi awam berkaitan kesedaran keselamatan pengguna ini dikendalikan oleh pelajar tahun akhir Program Komunikasi Interpersonal FKPM. Ianya melibatkan pemberian secara percuma 500 topi keledar sumbangan SIRIM QAS International, kepada warga UiTM. **(Rujuk 3.3 Bukti 3)**
2. Konvensyen Wartawan Muda Kebangsaan (NYJC) edisi kedua berlangsung pada 20 Mei 2023. Anjuran pelajar tahun akhir Program Kewartawanan, mengumpulkan lebih 60 pelajar daripada university dalam dan luar negara. Barisan panelist yang mempunyai kepakaran dalam laporan berita mengenai isu alam sekitar dan SDG. Antaranya, pengamal media yang juga merupakan alumni FKPM iaitu Pengarang Kumpulan NST Farrah Naz Karim dan wartawan NST Aliza Shah, dan pemenang anugerah Kewartawanan Alam Sekitar Cemerlang MPI-Petronas Yao-Hua Law. **(Rujuk 3.3 Bukti 4)**

3. Selain daripada itu Kerjasama di antara FKPM dan badan bukan Kerajaan (NGO) yang aktif dengan mewujudkan kesedaran mengenai pemeliharaan alam sekitar iaitu Malaysia Forest Fund (MFF). Penganjuran pertandingan 'Young Environmental Journalist' yang mendapat sambutan hampir 200 penyertaan dikalangan rakyat Malaysia, pelbagai peringkat umur. **(Rujuk 3.3 Bukti 5)**

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_T01\\_TB03\\_20241\\_iAKNC 3.3 BUKTI.pdf](#)
2. [F0029\\_T01\\_TB03\\_20242\\_iAKNC 3.3 BUKTI.pdf](#)
3. [F0029\\_T01\\_TB03\\_20243\\_iAKNC 3.3 BUKTI.pdf](#)
4. [F0029\\_T01\\_TB03\\_20244\\_iAKNC 3.3 BUKTI.pdf](#)
5. [F0029\\_T01\\_TB03\\_20245\\_iAKNC 3.3 BUKTI.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **Pengurusan Ketidakpuasan Hati Pelanggan**

Pengurusan pelanggan sememangnya penting terutama dalam hal ketidakpuasan hati pelanggan sepanjang proses pencapaian objektif dan inisiatif strategik FKPM berlangsung. Namun, melalui kaedah CRM ini pihak pengurusan FKPM sentiasa bersedia mengendalikan ketidakpuasan pelanggan dengan mewujudkan 2 inisiatif:

#### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

##### **Inisiatif 1 - Instrumen Maklum balas Pelanggan**

Maklum balas pelanggan merupakan inisiatif utama yang ditekankan oleh pihak pengurusan kanan FKPM dalam usaha mengekalkan hubungan baik di antara FKPM dengan pelanggan. Kepentingan maklum balas ini memainkan peranan penting dalam mengukur kepuasan dan ketidakpuasan kumpulan sasaran. Hal ini demi menjaga reputasi dan meningkatkan nilai kerja yang tinggi dalam pengurusan kanan FKPM. Maklum balas daripada kumpulan sasaran merupakan salah satu medium bagi mengetengahkan cadangan ataupun aduan yang berkaitan dengan perkhidmatan ditawarkan oleh pengurusan kanan FKPM. Perkhidmatan yang diberi dapat memenuhi kehendak dan kepuasan hati kumpulan sasaran. Sebagai contoh, **borang maklum balas (Rujuk 3.4.1 Bukti 1)** menjadi instrumen langsung dan mudah bagi kumpulan sasaran untuk membuat sebarang maklum balas terhadap pengurusan kanan FKPM. Sejalan dengan perkembangan teknologi digital semasa, borang digital telah diperkasakan dengan menggunakan “**google form**” (**Rujuk 3.4.1 Bukti 2**). Ianya lebih eifisyen dan sistematik.

Salah satu contoh yang berkesan ialah maklum balas melalui atas talian, yang memungkinkan proses pengumpulan maklum balas yang lebih cepat dan efisien. **Laman sesawang (Rujuk 3.4.1 Bukti 3)** dan platform digital rasmi FKPM, seperti **Instagram dan Facebook, (Rujuk 3.4.1 Bukti 4)** juga telah menjadi medium utama untuk mengumpulkan maklum balas pelanggan. Bagaimanapun, penting untuk memastikan pengurusan laman sesawang dan platform digital ini dilantik secara rasmi dan dipertanggungjawab untuk menguruskan semua komen dan maklum balas yang diterima secepat mungkin, dalam usaha mengelakkan risiko berlakunya pencanggahan maklumat dengan kumpulan pelanggan FKPM.

Bagi sudut pakar dan industri, pihak kepimpinan tertinggi FKPM sentiasa mengadakan **sesi perjumpaan bersama pakar industri (Rujuk 3.4.1 Bukti 5)** untuk mendapatkan maklum balas mengenai kesesuaian bentuk kurikulum berdasarkan permintaan industri. Maklum balas secara langsung daripada pihak industri juga diterima melalui jemputan penilaian industri yang mempunyai rubrik penilaian tertentu.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20241\\_iAKNC 3.4.1 BUKTI.pdf](#)
2. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20242\\_iAKNC 3.4.1 BUKTI.pdf](#)
3. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20243\\_iAKNC 3.4.1 BUKTI.pdf](#)
4. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20244\\_iAKNC 3.4.1 BUKTI.pdf](#)
5. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20245\\_iAKNC 3.4.1 BUKTI.pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

#### **Inisiatif 2 - Analisa Aduan Pelanggan (Kenal Pasti Risiko/Act)**

Maklumat daripada maklum balas yang diterima oleh pihak FKPM daripada kumpulan pelanggan ini tidak sekadar menjadi bahan rekod fakulti. Inisiatif yang kedua dalam menjaga hubungan baik ini adalah dengan menganalisa aduan yang diterima. Proses menganalisis aduan ini diambil serius dan penting dengan dilaksanakan secara terperinci agar setiap aduan diambil kira. Sebagai contoh sumber maklum balas premier daripada pihak industri dikumpulkan **melalui lawatan pensyarah ke industri (Rujuk 3.4.2 Bukti 1)** ketika memantau pelajar-pelajar yang menjalankan latihan industri. Aduan dan maklum balas ini bukan sekadar daripada aspek prestasi pelajar di industri malah pelbagai maklum balas diterima merangkumi corak kurikulum, hasil dan produk FKPM, halatuju FKPM dan risiko masa depan yang boleh ditambah baik.

Borang-borang ini dikembalikan kepada pihak pengurusan kepimpinan kanan FKPM untuk dianalisa dan difailkan bagi tujuan audit dalaman. Setiap laporan audit dalaman FKPM turut memfokuskan kepada isu-isu yang disebut dalam laporan tersebut bagi menemui jalan penyelesaian dan penambahbaikan. Laporan audit FKPM membantu pengurusan tertinggi untuk mengenalpasti dengan lebih mendalam sekaligus menjadi kunci utama dalam meningkatkan reputasi pengurusan kanan FKPM. Bagi menganalisa aduan sumber manusia, pihak kepimpinan kanan FKPM turut menyahut seruan universiti dengan mengambil serius terhadap maklum balas yang diperolehi daripada keputusan **Happiness Index UiTM (Rujuk 3.4.2 Bukti 2)** khususnya indikator yang melibatkan FKPM. Hasil maklumbalas Happiness Index ini bertujuan untuk mengenalpasti parameter kegembiraan di kalangan pekerja FKPM.

FKPM juga mempunyai jawatankuasa **pengurusan risiko, (Rujuk 3.4.2 Bukti 3)** yang diketuai oleh seorang **Penyelaras Risiko (Rujuk 3.4.2 Bukti 4)** bagi menjalankan tugas mengenalpasti akan risiko-risiko yang berkemungkinan wujud hasil daripada sesuatu aktiviti atau program yang dilaksanakan atau tidak dilaksanakan. Keperluan untuk memuatnaik maklumat risiko ke dalam **system eRMS (Rujuk 3.4.2 Bukti 5)** adalah di bawah jawatankuasa ini.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20241\\_iAKNC 3.4.2 BUKTI.pdf](#)
2. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20242\\_iAKNC 3.4.2 BUKTI.pdf](#)
3. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20243\\_iAKNC 3.4.2 BUKTI.pdf](#)
4. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20244\\_iAKNC 3.4.2 BUKTI.pdf](#)
5. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20245\\_iAKNC 3.4.2 BUKTI.pdf](#)

### 3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FKPM telah mengambil tindakan ke atas maklum balas dan aduan pelanggan bagi memastikan penambahbaikkan pelaksanaan inisiatif strategik BT dapat dilakukan bagi meningkatkan kepuasan hati pelanggan BT. Pihak pengurusan kanan FKPM telah bertindak kepada maklum balas dan aduan pelanggan secara berikut:

1. FKPM telah mewujudkan Jawatankuasa Unit Pengurusan Kualiti, yang diketuai oleh **Ketua Unit Kualiti dan Strategik (Rujuk 3.4.3 Bukti 1)** serta **Ketua Audit Dalam, (Rujuk 3.4.3 Bukti 2)** yang sentiasa memantau perjalanan aktiviti-aktiviti audit di FKPM.
2. Pengurusan aduan dan maklum balas pelanggan bagi meningkatkan sistem pengurusan di FKPM telah diperkasakan. **Moderator sistem e aduan (Rujuk 3.4.3 Bukti 3)** bertanggungjawab untuk mengenalpasti jenis aduan, mengendalikan aduan sehingga ke tahap berjaya diselesaikan dalam jangkamasa tiga hari waktu bekerja. Penjanaan laporan maklumbalas pelanggan dan aduan daripada sistem aduan rasmi UiTM.
3. Data dan maklumat aduan dan maklumbalas pelanggan BT kemudiannya telah dianalisa untuk diambil Tindakan dan dibincangkan kepada **takwim mesyuarat Pengurusan FKPM. (Rujuk 3.4.3 Bukti 4)**
4. Hasil penganalisaan dan Tindakan terhadap aduan dan maklumbalas pelanggan akan dipanjangkan kepada pihak dan jabatan yang berkenaan bagi proses dokumentasi dan rujukan bagi masa hadapan.

Langkah-langkah mengkaji semula dan Tindakan penambahbaikkan yang dilaksanakan dapat menghasilkan:

1. Meningkatkan kualiti perkhidmatan - Aduan pelanggan dapat memberikan maklumat tentang kekurangan dalam perkhidmatan dan membolehkan organisasi untuk mengubah dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.
2. Meningkatkan kepuasan pelanggan - Aduan pelanggan dapat membantu organisasi untuk mengetahui keperluan dan harapan pelanggan, dan mengambil tindakan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan.
3. Meningkatkan reputasi - Aduan pelanggan boleh membantu organisasi untuk memperbaiki reputasi mereka dengan menyelesaikan masalah dan menunjukkan komitmen kepada pelanggan.
4. Meningkatkan keberkesanan operasi - Aduan pelanggan dapat membantu organisasi untuk mengetahui masalah operasi dan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20241\\_iAKNC 3.4.3 BUKTI.pdf](#)
2. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20242\\_iAKNC 3.4.3 BUKTI.pdf](#)
3. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20243\\_iAKNC 3.4.3 BUKTI.pdf](#)
4. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20244\\_iAKNC 3.4.3 BUKTI.pdf](#)
5. [F0029\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20245\\_iAKNC 3.4.3 BUKTI.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

#### Hasil Melalui Kaedah CRM:

Pengamalan pendekatan CRM ini telah berjaya mewujudkan 4 tumpuan strategik merangkumi tumpuan masyarakat, kolaborasi, tajaan, alumni dan media yang cemerlang di antara FKPM dan semua pemegang taruh yang terlibat dalam beberapa projek utama di bawah bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Keusahawanan.

CRM juga membantu mengenal pasti akan kaedah terbaik untuk merealisasikan sesuatu program, terutama yang berbentuk virtual, sebagai contoh **webinar, Journalism Colloquium (Rujuk 3.5 Bukti 1)** yang dijalankan secara atas talian. Perbincangan dapat dijalankan secara selesa dengan menggunakan platform seperti **google meet, Webex, Microsoft team, youtube online (Rujuk 3.5 Bukti 2)** dan lain-lain. Ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin dengan mengenalpasti akan kekangan dan limitasi yang dihadapi oleh semua pemegang taruh.

Dalam konteks CRM dengan pelbagai kumpulan sasaran, FKPM telah mengidentifikasi kumpulan sasaran yang terdiri daripada pengurusan universiti, pelajar, ibu bapa, komuniti, pihak industri, pihak alumni, badan kerajaan, badan bukan kerajaan, dan **pihak media. (Rujuk 3.5 Bukti 3)** Kumpulan ini kemudian diintegrasikan ke dalam profil pelanggan FKPM dan disimpan dalam pangkalan data yang terdiri daripada beberapa bahagian, termasuk Hal Ehwal Pelajar, Portfolio Penyelidikan dan Jaringan Industri.

Integrasi Pangkalan data ini amat penting dalam meningkatkan kesertaan pelajar dalam projek-projek khususnya projek di bawah bidang tumpuan. Contoh yang jelas adalah bahagian Hal Ehwal Pelajar yang mempunyai pangkalan data tersendiri dalam proses pengumpulan maklumat mengenai pelajar FKPM.

Pangkalan data ini juga digunakan untuk mengklasifikasi pemegang taruh dan pelanggan-pelanggan semasa FKPM. Contoh yang jelas adalah **Persatuan Alumni FKPM (Rujuk 3.5 Bukti 4)** yang sentiasa aktif dalam proses penambahan ahli apabila mesyuarat tahunan dikendalikan bersama dengan melibatkan wakil FKPM.

Senarai kolaborasi bersama pelbagai pihak termasuk badan kerajaan dan bukan kerajaan juga direkodkan di bawah pangkalan data ini yang menjadi sumber rujukan utama FKPM apabila pihak pengurusan mula merancang projek-projek berimpak tinggi khusus dalam bidang tumpuan. Dalam konteks ini, FKPM memfokuskan pada kumpulan yang mempunyai MOU secara langsung dengan FKPM agar segala kerjasama mencapai hasil yang optimum.

Penglibatan pensyarah FKPM dalam persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa menjadi rutin tahunan. Selain meluaskan jaringan dalam kalangan akademik, ianya juga dapat menghasilkan proceeding dan **penulisan jurnal hasil daripada penyelidikan** yang dijalankan. **(Rujuk 3.5 Bukti 5)**

**KESIMPULAN:** Dengan menggunakan kaedah CRM yang sistematik membuktikan bahawa pelaksanaan program-program BT adalah Tindakan penambahbaikan yang telah



diaksanakan oleh FKPM bagi memasukkan perolehan nasii pencapaian BI yang cemerlang. Program BT yang bersifat virtual/online/webinar telah dapat melibatkab lebih ramai Kumpulan sasaran BT. Ianya telah menjadi amalan dan pembudayaan bukan Sahaja diperingakt keseluruhan UiTM , malahan diperingkat antarabangsa. Perbelanjaan penyelenggaraan juga dapat dijimatkan ketahap yang maksima tanpa melibatkan penggunaan venue secara fizikal.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_T01\\_TB05\\_20241\\_iAKNC 3.5 BUKTI.pdf](#)
2. [F0029\\_T01\\_TB05\\_20242\\_iAKNC 3.5 BUKTI.pdf](#)
3. [F0029\\_T01\\_TB05\\_20243\\_iAKNC 3.5 BUKTI.pdf](#)
4. [F0029\\_T01\\_TB05\\_20244\\_iAKNC 3.5 BUKTI.pdf](#)
5. [F0029\\_T01\\_TB05\\_20245\\_iAKNC 3.5 BUKTI.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan (Plan), pelaksanaan (Do), pemantauan (Check) dan tindakan penambahbaikan (Act) BT dalam bidang #alumni, #komuniti, dan #kesukarelawan [FKPM](#) untuk pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan organisasi adalah penting bagi memastikan **pencapaian diselaraskan dengan [Indikator Prestasi Universiti \(PI\)](#), [PS2025 UiTM](#), [Garis Panduan Pelaksanaan SULAM](#), [Matlamat Pembangunan Mampan \(SDG\)](#) dan [Return of Investment \(ROI\)](#) hasil MoU FKPM dengan industri tercapai. **Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU FKPM)** memainkan peranan utama dalam mengurus pengukuran data oleh PTJ, khususnya dalam memastikan sasaran pencapaian sesuai dan instrumen pengukuran adalah sah dan boleh dipercayai terutama dalam memperkasa jaringan strategik dengan alumni dan industri selain suntikan elemen SYNERGY disasar FKPM.**

Perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti berkaitan BT dilakukan mengikut tatakelola yang diperlukan oleh syarat-syarat yang ditetapkan untuk kelulusan program oleh [BHEP](#) FKPM atau perancangan yang telah ditetapkan oleh PTJ lain. Sementara itu, pemantauan dan tindakan penambahbaikan dilakukan selepas pelaporan dan keberhasilan dikemukakan bagi menangani dan memperbaiki risiko pengetahuan yang berlaku. Pengukuran dijalankan secara berterusan, dengan analisis data dilakukan mengikut jadual yang ditetapkan. Inovasi seperti penggunaan instrumen **Pengukuran Pencapaian (PMI)** dan juga **pelan proses menangani risiko pengetahuan FKPM**, diaplikasikan oleh pengurusan FKPM selain berpandu kepada [Panduan Pengurusan Risiko Universiti Teknologi MARA](#) sedia ada.

Pengurusan kanan FKPM menetapkan petunjuk prestasi dengan mempertimbangkan kemampuan staf, pelajar, kemudahan, dan dana yang diperlukan dalam pengurusan pentadbiran, pengoperasian fakulti dan juga pencapaian BT. Bagi tujuan pengurusan BT, [Mesyuarat Tabung Pengurusan Perkhidmatan Pelajar \(TPPP\)](#) merupakan satu daripada mekanisma yang akan menyaring kertas cadangan dan seterusnya pilihan program yang sesuai dan berimpak tinggi selain perancangan **Indikator Prestasi Universiti (PI)** bagi tujuan pelaksanaan dan pencapaian BT.

Keberhasilan dan pengurusan pengetahuan organisasi secara menyeluruh terhadap program atau aktiviti BT selain mencapai sasaran yang ditetapkan, keberkesanan dan impak terutama berkaitan #komuniti dan #kesukarelawan dapat **dinilai melalui ketampakan dan liputan media**. Analisis iaitu **media monitoring** merupakan elemen penting kepada FKPM semasa **mengukur kesan pelaksanaan dan juga keperluan penambahbaikan** kerana ia akan turut memberi kesan pandangan dan sentimen khalayak dan imej fakulti dan juga UiTM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi.

Peranan #alumni dilihat penting bukan hanya sebagai alma mater kepada universiti tetapi juga **merupakan refleksi kepada kejayaan penerapan nilai pembelajaran sepanjang hayat, adab dan penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional** yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara yang terkandung dalam falsafah UiTM. **Kerjasama dan perlibatan #alumni tidak hanya diukur melalui sumbangan kewangan tetapi juga mengambil kira perkongsian kepakaran** dan juga jaringan kerjasama berpanjangan kepada fakulti khususnya dan UiTM secara am. [New Straits Times Press \(NSTP\)](#), [Media Prima Berhad \(MPB\)](#), [BERNAMA](#) dan [Astro Awani](#) antara organisasi media sentiasa memberi sokongan terhadap ketampakan media dan nilai media.

Di dalam pelaporan ini, terdapat 5 projek cemerlang (benchmark) dijadikan panduan contoh pengukuran dan analisis dan melalui penambahbaikan mewakili sebahagian lebih 60 projek dan aktiviti anjuran pelajar dan pensyarah yang berkaitan BT #alumni, #komuniti dan kesukarelawan sepanjang tahun lalu. Terdapat 6 MoU aktif bersama universiti luar negara dan 10 MoU aktif dengan industri setakat ini yang menyumbang kepada kecemerlangan program berkaitan

alumni, memberi kesan baik dan advokasi kepada komuniti serta aktiviti kesukarelawan.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Memastikan FKPM kekal relevan dan mampan, setiap perancangan dan **pengukuran pencapaian diselaraskan dengan PI, PS2025 UiTM, Garis Panduan Pelaksanaan SULAM, dan Return of Investment (ROI) MoU** serta aktiviti digariskan oleh FKPM bersama pihak terlibat.

Perancangan difokuskan melalui SO dan strategi selepas kembali sebagai fakulti di Synergizing the Curriculum: The Way Forward di ILD (Bukti 4.2.1.1). **Strategi PS2025 menjadi panduan utama** mengoptimumkan penglibatan masyarakat pada **inisiatif strategi 1, perkara 81 dan 82.**

FKPM melaksanakan 5 indikator **Pengukuran Pencapaian (PMI)** (Bukti 4.2.1.2):

### 1. Pencapaian Objektif:

**Projek berimpak tinggi berkolaborasi:** *Malaysia Forest Fund* dan *NGO The Lost Food Project* berjaya, menyumbang kepada inovasi, manfaat kepada masyarakat serta meningkatkan imej FKPM dan UiTM.

### 2. Penyertaan Pelanggan:

Projek dinilai melalui **penyertaan aktif alumni, komuniti, dan warga UiTM**, yang meningkatkan **keberkesanan dan kesinambungan projek.**

### 3. Inovasi dan Kreativiti:

FKPM merancang **inovatif terkini dan berdaya saing** melalui **projek jaringan industri dan alumni**, menyuntik elemen keusahawanan serta **idea baru** sumbangan pelajar.

### 4. Keusahawanan Melalui Pertukaran Khidmat Profesional:

FKPM memberi peluang keusahawanan yang membantu **penjimatan kos dan penjanaan pendapatan untuk projek berimpak tinggi.**

### 5. Kos Penjimatan:

Strategi penjimatan termasuk memohon **dana luar dan menggunakan visibiliti media percuma**

Melalui aktiviti BT melibatkan #alumni dan #komuniti berjaya mencapai sasaran PI084 melalui penganjuran ***National Young Journalist Convention (NYJC) dan Journiepedia: Garuda Series 2.0***, hasil kerjasama MoU aktif bersama eBdesk. Program ini turut memenuhi lima sasaran lain, iaitu **PI076** melalui Knowledge Transfer Programmes (KTPCANN Indonesia, eBdesk Indonesia, **PI080** penglibatan kepakaran alumni daripada NSTP, MPB, Media Mulia, **PI023** kolaborasi bersama industri, **PI032** penglibatan pelajar dengan program antarabangsa di Universitas Budi Luhur dan MNC Indonesia, **PI031** program komunikasi luar negara, **PI021** aktiviti keusahawanan melalui penganjuran jualan *Journiefiesta* bagi pengumpulan dana program *Journiepedia*, **PI008** untuk **outbound students** selain **PI027** berkaitan SDG memberi tumpuan SDG 4, SDG 13 dan SDG 17. (Bukti 4.2.1.3 )

Sementara, ***INCspect: Buy Right Buy Safely*** memenuhi sasaran BT #alumni dan #komuniti melalui pencapaian **P1075 aktiviti tanggungjawab sosial** mencapai sasaran penglibatan dan penerima **manfaat seramai 570 orang penerima** helmet lulus SIRIM, **PI076 Knowledge Transfer Programmes (KTP)** melalui Podcast di Youtube, **PI080** penglibatan kepakaran

alumni, P1029 melalui kolaborasi dengan #alumni di Shixivi, Bomba dan Penyelamat Seksyen 15, Shah Alam dan Unit Pengurusan Non Residen, UiTM Shah Alam. (Bukti 4.2.1.4 )

BT #kesukarelawan dicapai melalui **pelaksanaan aktiviti-aktiviti SULAM**, satu daripadanya seperti ***Eh! Kau Putar Ek!*** mencapai sasaran **PI027 berkaitan SULAM dan SDG**

**4.** Penganjuran projek pelajar **Rioooh Raya 2023 Jualan Amal dan Pasar Loka Klasik Derma Ma'ahad Tahfiz Teduhan Kasih**. Aktiviti tersebut mencapai **P1075 melibatkan aktiviti tanggungjawab sosial, PI028, kesukarelawan dengan kolaborasi industri dan P1023, kolaborasi agensi dan industri** yang turut memberikan keberhasilan impak kepada #komuniti yang kurang bernasib baik.

Aktiviti BT dilaksanakan **melalui proses perancangan, pelaksanaan dan penyelarasan program berkaitan #alumni, #komuniti dan #kesukarelawan** dengan mengambil kira item pengukuran diterjemahkan dalam bentuk petunjuk prestasi pencapaian PI, garis panduan **SULAM** dan proses kelulusan pelaksanaan yang ditetapkan oleh BHEP FKPM dan juga UiTM. Keberhasilan aktiviti BT ukur melalui **pelaporan data kepada BHEP FKPM, [ketampakan di media atau media sosial](#)** (Bukti 4.2.1.5 ) selain pelaporan PI.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0029\\_A01\\_AB02\\_20241\\_Bukti 4.2.1.1 program synergy .pdf](#)
2. [F0029\\_A01\\_AB02\\_20242\\_Bukti 4.2.1.2 PMI, SYNERGY, PENCAPAIAN PI.pdf](#)
3. [F0029\\_A01\\_AB02\\_20243\\_Bukti 4.2.1.3 National Young Journalist Convention \(NYJC\) dan Journiepedia.pdf](#)
4. [F0029\\_A01\\_AB02\\_20244\\_Bukti 4.2.1.4 INCspect- Buy Right Buy Safely.pdf](#)
5. [F0029\\_A01\\_AB02\\_20245\\_BUKTI 4.2.1.5 Ketampakan media & media sosial .pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Secara amnya, proses pengukuran analisa dan pengetahuan bidang melalui proses:

- **Proses 1 Pengumpulan Data**
- **Proses 2 - Analisis Pencapaian**

Data aktiviti BT dikumpulkan dan disimpan untuk dokumentasi serta penambahbaikan Dokumen penting seperti kertas kerja, laporan, surat kelulusan, laporan program dan laporan media monitoring dan impak aktiviti disimpan oleh BHEP FKPM (Bukti 4.3.1). Selepas projek selesai, borang maklum balas diedarkan kepada peserta untuk mendapatkan pandangan, yang kemudiannya digunakan untuk memperbaiki proses dan mengurangkan risiko dan limitasi pada masa akan masa hadapan. Pengukuran pencapaian dilakukan secara sistematik iaitu menggunakan *google form* dengan mengumpul data yang diperlukan dan kemudia dianalisis. (Bukti 4.3.2)

Data yang dikumpul melibatkan maklumat pelapor, aktiviti, peserta, impak aktiviti dan gambar dan maklum balas perlu dimasukkan dan dimuat naik ke dalam pelaporan aktiviti pelajar kepada BHEP FKPM. Data ini digunakan untuk **pelaporan pencapaian PI fakulti** selain **diekstrak** bagi kegunaan pelaporan RP untuk penambahbaikan penganjuran aktiviti akan datang dan dibincangkan. (Bukti 4.3.3)

Platform *Google Drive* bagi **pengumpulan data maklum balas peserta**. Pengumpulan data ketampakan dan laporan media pula dilakukan di platform Excel, penilaian dan penambahan baikan impak ketampakan fakulti dengan nilai . Sistem **memaparkan data pencapaian jumlah projek dan aktiviti BT** berdasarkan Pelan Tindakan Strategik (dijadikan pengukur bagi hasil pencapaian fakulti, **SuFO** (Bukti 4.3.3) untuk maklum balas daripada pelajar, **laporan e-SRR FKPM** dan **data daripada TDPJi untuk data keberhasilan #alumni** sebagai usahawan (Bukti 4.3.4) bagi mendukung inisatif utama strategi 3, mewujudkan sistem bersepadu pengkalan data alumni bagi menjalinkan kerjasama strategik pada masa hadapan (rujuk: [PS2025 UiTM](#))

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_A01\\_AB03\\_20241\\_BUKTI 4.3.1 Ketampakan media & media sosial .pdf](#)
2. [F0029\\_A01\\_AB03\\_20243\\_Bukti 4.3.3 Mesyuarat pensyarah COM540\\_SULLAM.pdf](#)
3. [F0029\\_A01\\_AB03\\_20243\\_Bukti 4.3.3 laporan SUFO .pdf](#)
4. [F0029\\_A01\\_AB03\\_20244\\_Bukti 4.3.4 Rekod alumni sebagai usahawan.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pembelajaran melalui pemantauan ditunjangi oleh 3 inisiatif iaitu :

- **Inisiatif 1:** Merujuk 5 item Pengukuran Pencapaian (PMI) dengan melihat hasil analisa proses, keberhasilan, limitasi dan cabaran yang dihadapi.
- **Inisiatif 2:** Penambahbaikan berterusan dengan berpandukan kepada dapatan hasil serta analisis dari setiap projek yang telah berlangsung, terdapat beberapa penambahbaikan yang telah dicadangkan. Setiap cadangan yang dikemukakan akan dibincangkan dalam langkahpenambahbaikan supaya projek yang bakal dijalankan di masa hadapan dapat berlangsung dengan lebih lancar. Rancangan penambahbaikan ini cuba dilaksanakan untuk projek yang akan datang melalui perancangn masa depan.
- **Inisiatif 3 –** Perancangan masa depan dilakukan berpandukan hasil tambah baik daripada proses atau cadangan yang dikemukakan.

**Pelaporan pencapaian KPI BT FKPM** dipertanggungjawabkan kepada PSTU **secara berkala mengikut suku iaitu 4 kali setahun**. Hasil pemantauan dan analisa data **dibentangkan** di dalam mesyuarat pengurusan fakulti bagi **membincangkan justifikasi ketidakcapaian PTJ** serta **mengenal pasti langkah tindakan pembetulan dan penambahbaikan** sebelum dibentangkan/dilaporkan kepada BTU. (**Bukti 4.4.1.**)

FKPM menggunakan teras '**SYNERGY**' dalam setiap perancangan strategik yang dilaksanakan oleh itu **setiap unit atau PIC perlulah mengemukakan [plan tindakan strategik \(SAP\) FKPM](#)** bagi memastikan PI tercapai dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Bagi program yang melibatkan #alumni, #komuniti dan #kesukarelawan, ICAN atau BHEP dipertanggungjawab dalam mengurus dan memantau projek-projek yang berkaitan. Koordinator ICAN memantau status terkini projek yang dijalankan secara berkala melalui sistem PRIME dan pelaporan analisa dibuat bagi setiap suku. BHEP akan menerima laporan aktiviti dalam tempoh 2 minggu selepas program berlangsung.

Penyelaras Unit PSTU memainkan peranan dalam **memastikan unit/PIC melaporkan prestasi** di dalam sistem pelaporan seperti **Sistem Maklumat Analisa dan Repositori (SMART) atau PRIME**.

Bagi aktiviti melibatkan **projek pelajar secara berkala atau yang mempunyai kesinambungan setiap semester/tahun yang dilapor kepada BHEP FKPM, pemantauan berdasarkan analisis penghasilan impak, ketampakan dan penjimatan akan diambil kira sebagai usaha penambahbaikan** (Bukti 4.4.2). Manakala pemantauan impak ketampakan di media dipantau melalui data excel hasil pelaporan aktiviti.

**Data pencapaian BT dikongsi** bersama warga FKPM melalui mesyuarat staf akademik atau hebahan di platform email atau media sosial warga fakulti dan pengurusan amat mengalakkan penglibatan warga dalam **menyumbang ke arah pencapaian pelajar dalam BT** di masa akan datang (**Bukti 4.4.3**).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0029\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20241\\_Bukti 4.4.1 Jadual mesyuarat PTJ FKPM .pdf](#)
2. [F0029\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20242\\_Bukti 4.4.2 ANALISIS PROGRAM JOURNIEPEDIA .pdf](#)
3. [F0029\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20243\\_Bukti 4.4.3 hebahan hasil aktiviti .pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pengukuran risiko dan pengurusan pengetahuan di FKPM dikendalikan oleh Unit Kualiti dan Strategik FKPM melalui pelbagai strategi pemantauan projek.

Antara strategi utama termasuk pengumpulan data prestasi PI, laporan SRR, laporan projek atau aktiviti yang dihantar ke BHEP FKPM dan perbincangan berkala dengan pengurus projek, dan sesi perkongsian dengan warga untuk menyebarkan maklumat projek (Bukti 4.4.2.1). Selain itu FKPM juga membuat lantikan semula pegawai risiko dengan mengawal selia dan kenal pasti usaha kawalan risiko pengetahuan dan menambahbaik. (Bukti 4.4.2.4)

Selain itu, Mesyuarat Mesyuarat Pengurusan FKPM atau Unit Kualiti dan Strategik FKPM turut diadakan bagi mengurus proses mengenal pasti dan mendaftarkan risiko, serta menjalankan tindakan mitigasi. Analisis data risiko dilakukan melalui pengamatan, temuramah dengan PIC dan semakan dokumen. Maklum balas program juga dianalisis, dan cadangan penambahbaikan disalurkan (Bukti 4.4.2.2)

Projek tumpuan seperti #alumni, #komuniti, dan #kesukarelawan akan disusun dan dilaksanakan dengan pemantauan berterusan. Laporan dan maklum balas dianalisis serta dibincangkan yang terlibat bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek.

Risiko, dinilai, dan diurus dari pelbagai sudut untuk memastikan keberkesanan analisis dan pengurusan pengetahuan. Pegawai bertanggungjawab atau koordinator-koordinator ICAN atau BHEP FKPM memastikan ketepatan data yang dilaporkan dengan teliti menganalisisnya bagi mengelakkan laporan yang tidak tepat.

Secara keseluruhan, strategi yang dilaksanakan membolehkan data dikumpul dan dianalisis, memastikan projek berjalan mengikut perancangan, serta memberi pendedahan kepada warga fakulti untuk melibatkan diri dalam projek.

Hubungan baik dan kerjasama bersama persatuan #alumni FKPM (Alumni Masscomm) dengan mengadakan perjumpaan bersama dan juga pemantauan maklum balas #alumni kepada fakulti juga dijadikan sebagai satu mekanisma pengurusan pengetahuan dikenalpasti (Bukti 4.4.2.3)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20241\\_Bukti 4.4.3 hebahan hasil aktiviti .pdf](#)
2. [F0029\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20242\\_Bukti 4.4.2 ANALISIS PROGRAM JOURNIEPEDIA .pdf](#)
3. [F0029\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20243\\_HEBAHAN ALUMNI .pdf](#)
4. [F0029\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20244\\_Surat perlantikan pegawai risiko.pdf](#)



#### 4.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FKPM telah membangunkan pelan tindakan untuk menangani risiko yang dikenalpasti bagi memastikan pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan berjalan lancar. Pelan ini dirumus melalui perbincangan bersama koordinator, penyelar, dan Pengurusan Kanan FKPM yang menilai pencapaian PI dan mencadangkan penambahbaikan jika diperlukan. Pengurusan Kanan fakulti memantau risiko projek secara berterusan bagi memastikan ia selaras dengan perancangan strategik fakulti. (Bukti 4.4.3.1)

Hasil tindakan penambahbaikan dikaji dan dianalisa dalam bentuk laporan yang diteliti bersama-sama jawatankuasa yang telah dilantik bagi setiap projek agar ianya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik. Bagi memastikan setiap analisa yang dibuat untuk setiap projek diambil peduli oleh warga fakulti Pengurusan Kanan FKPM mengadakan sesi perkongsian pencapaian petunjuk prestasi kepada seluruh warga dengan menerangkan beberapa kejayaan pencapaian dan faktor ketidakcapaian sesuatu petunjuk prestasi samada semasa mesyuarat atau hebahan melalui email atau media sosial. Di samping itu juga, melalui sesi perkongsian ini, Pengurusan Kanan FKPM juga memberikan beberapa cadangan penyelesaian bagi membolehkan ketidakcapaian petunjuk prestasi yang ditetapkan dapat dicapai. Fakulti sentiasa berusaha dalam meningkatkan dan menambahbaik prestasi BT sedia ada walaupun melalui beberapa proses pertukaran struktur pentadbiran fakulti – pusat pengajian dibawah kolej pengajian – fakulti semula.

**Pemantauan berkala** dilakukan oleh **Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU)** kepada setiap penunjuk prestasi yang telah dirangka bagi memastikan ianya sentiasa menepati perancangan yang telah diatur.

**Hasil tindakan penambahbaikan telah dikaji dengan teliti** bersama-sama jawatankuasa yang telah dilantik bagi setiap projek agar ianya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan baik . Penambahbaikan prestasi bagi projek-projek yang dipilih mampu untuk meningkatkan lagi prestasi FKPM di masa hadapan. Semua program dan pencapaian ini turut dikongsi kepada seluruh warga FKPM melalui hebahan lisan, posting di media sosial atau platform Whatapp komuniti fakulti (Bukti 4.4.3.2)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20241\\_Bukti 4.4.3.1 PELAN TINDAKAN RISIKO FKPM.pdf](#)
2. [F0029\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20242\\_Bukti 4.4.3.2 Hebahan hasil aktiviti .pdf](#)

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penambahbaikan berterusan sangat penting untuk memastikan program yang dirancang memberi impak positif serta meningkatkan aksesibiliti dalam #Alumni, #Komuniti, dan #Kesukarelawanan. Pengurusan Kanan FKPM telah menetapkan petunjuk prestasi bagi setiap bidang tumpuan dan mengagihkannya kepada HEA, BHEP FKPM, dan ICAN. Pengagihan ini dilakukan mengikut kesesuaian, dengan integrasi sasaran yang tidak hanya terhad kepada satu PI atau impak. Pendekatan multi-sasaran ini menjadikan pelaksanaan projek lebih efisien, sekaligus menjimatkan tenaga dan masa (Bukti 4.5.1)

Cadangan penambahbaikan hasil daripada analisis program telah dibincangkan dan dilaksanakan bagi memastikan program-program berjalan dengan lebih lancar dan berkesan di masa depan. Keberkesanan inisiatif ini dapat dilihat dalam laporan prestasi yang dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan serta pembentangan PI fakulti, yang menunjukkan peningkatan ketara dan kemajuan yang lebih mantap.

Bagi meningkatkan pengukuran dan pengurusan pengetahuan, FKPM memperkenalkan inovasi melalui penyimpanan semua data projek atau aktiviti yang berkaitan #alumni #komuniti dan #kesukarelawan secara bersatu melalui pangkalan data Excel yang menyenaraikan semua aktiviti dengan keberhasilannya. Hasil inovasi seperti di website atau media sosial dilihat sebagai satu cara yang memudahkan perkongsian keberhasilan dan juga meningkatkan impak pencapaian. Sebagai contoh untuk program [NYJC](#) dan [Journiepedia](#), [Projek Pinggan Licin](#) dan [SIKAP](#). Ia bukan hanya menyimpan rekod program yang telah dilakukan dan impak, malah menjadi rujukan untuk kepada aktiviti akan datang selain memudahkan jejak #alumni mengenalpasti sasaran #komuniti yang perlu ditumpu atau untuk peralihan tumpuan kepada lain.

FKPM yang menggunakan teras '**SYNERGY**' dalam setiap perancangan strategik yang dilaksanakan oleh jaringan kerjasama dengan alumni perkembangan, [berita](#) dan pencapaian akan selalu dikemaskini dan dihebah melalui media sosial yang terbuka akses kepada #alumni, warga fakulti dan juga pelajar oleh kedua-dua pihak iaitu [alumni](#) dan [FKPM](#). (Bukti 4.5.2)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_A01\\_AB05\\_20241\\_REKOD AKTIVITI DAN PROGRAM .pdf](#)
2. [F0029\\_A01\\_AB05\\_20242\\_HEBAHAN ALUMNI .pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Laporan ini memberi tumpuan kepada pembangunan dan pengurusan sumber manusia dalam konteks jaringan **#alumni**, **#komuniti** dan **#kesukarelawan** di **Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM)** melalui pendekatan **SYNERGY**. Keutamaan ini selaras dengan usaha fakulti untuk mencapai aspirasi **UiTM** menjadi **Universiti Terkemuka Dunia (Globally Renowned University) menjelang tahun 2025 (GRU25)** dan selaras dengan usaha FKPM untuk memperkukuhkan hubungan dengan alumni, melibatkan komuniti secara aktif, dan mempromosikan semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar serta staf. Pengurusan kanan FKPM menggerakkan **78 staf akademik** dan **32 staf bukan akademik** bagi menjayakan setiap aktiviti yang dirancang berdasarkan **Pelan Strategik UiTM 2025**.

Pengurusan kanan FKPM berusaha untuk membina rangkaian alumni yang kuat, memperkasa komuniti, dan memupuk kesukarelawan sebagai elemen penting dalam pengembangan akademik dan sosial pelajar. Fakulti telah mengenal pasti bahawa hubungan yang baik dengan alumni, serta penyertaan aktif dalam komuniti, boleh memberikan pelbagai manfaat jangka panjang, termasuk dalam memperkasa reputasi fakulti, memperluas peluang kerjaya pelajar, dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

**Perancangan (Plan)** yang dijalankan oleh FKPM merangkumi strategi yang komprehensif untuk meningkatkan penglibatan alumni, menyokong inisiatif komuniti, dan menggalakkan kesukarelawan. Perancangan ini melibatkan kajian keperluan, penetapan matlamat yang jelas, dan pembangunan program-program yang selaras dengan objektif fakulti dan universiti secara keseluruhan.

Dalam **pelaksanaan (Do)** strategi ini, FKPM telah melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk alumni, pelajar, staf, dan organisasi luar. Pelbagai aktiviti dan program telah dianjurkan, seperti sesi perkongsian (sharing session) alumni yang telah berjaya dalam bidang masing-masing, projek-projek komuniti dan kempen kesukarelawan. Setiap aktiviti dipantau dengan teliti untuk memastikan keberkesanannya serta menyumbang kepada pencapaian matlamat yang telah ditetapkan.

**Pemantauan (Check)** berterusan dilakukan untuk menilai keberkesanan setiap inisiatif yang dilaksanakan. Data dan maklum balas dikumpul secara berkala melalui kaji selidik, temubual, dan analisis prestasi untuk memastikan setiap aktiviti memenuhi sasaran yang telah ditetapkan. Penilaian ini juga bertujuan untuk mengesan sebarang isu atau cabaran yang mungkin timbul semasa pelaksanaan.

Berdasarkan pemantauan dan penilaian, **tindakan penambahbaikan (Act)** telah diambil untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti. Ini termasuk penyesuaian strategi, penambahbaikan dalam penyampaian aktiviti, dan peningkatan dalam penyertaan serta komitmen daripada semua pihak yang terlibat. Pendekatan ini memastikan bahawa setiap inisiatif bukan sahaja memenuhi keperluan semasa, tetapi juga terus relevan.

Penilaian terhadap inisiatif ini menggunakan elemen **Approach, Deployment, Learning, dan Integration (ADLI)**. Pendekatan yang diambil telah dibangunkan secara sistematik, manakala pelaksanaannya memastikan penglibatan menyeluruh daripada semua pihak yang berkepentingan. Pembelajaran daripada pelaksanaan program terdahulu digunakan untuk memperbaiki dan menyesuaikan pendekatan semasa. Integrasi antara pelbagai inisiatif memastikan bahawa setiap elemen aktiviti yang menjurus kepada bidang tumpuan saling melengkapi dan menyumbang kepada pencapaian matlamat fakulti.

Secara keseluruhannya, laporan ini menunjukkan bahawa FKPM telah berjaya melaksanakan inisiatif yang memberi impak positif terhadap jaringan alumni, komuniti, dan kesukarelawan, selaras dengan aspirasi **Anugerah Kualiti Naib Canselor UiTM**.



## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan kanan **FKPM** sentiasa mengutamakan prestasi dan penglibatan seramai **78** staf akademik dan **32** staf bukan akademik untuk menjayakan bidang jaringan **#alumni**, **#komuniti** dan **#kesukarelawan** melalui **empat (4) Elemen Kompetensi Pekerja (Employee Competencies Elements) (ECE)** iaitu **Inovasi, Penyelidikan dan Konferensi, Penulisan dan Penerbitan**, serta **Kepakaran dan Konsultasi**.

### Elemen 1 - Inovasi

FKPM menitikberatkan keperluan **inovasi** baharu dalam kalangan staf akademik dan bukan akademik selaras dengan perkembangan terkini teknologi maklumat, khususnya dalam bidang pendidikan. Elemen inovasi sangat penting dalam melahirkan pelajar yang kreatif dan mampu bersaing dalam industri pada masa hadapan. Sebagai contoh, pelajar program Pengiklanan dari FKPM dengan bimbingan pensyarah FKPM berjaya mengharumkan nama fakulti apabila memenangi **Anugerah Emas** bagi kategori **Business Innovation (Students-Higher Education) di International Business Innovation & Ideas Competition 2023 (INOVASI 23)** (Rujuk bukti 5.2), selain memenangi **tiga anugerah Perak** dan **satu Gangsa** dalam **Invention, Innovation & Design Exposition (iidex) 2023** (Rujuk bukti 5.2). Pensyarah-pensyarah FKPM turut mengharumkan nama fakulti dalam bidang inovasi apabila dianugerahkan **Emas** bagi inovasi bertajuk **RAWrimba-Rescue All Wild Rimba di Ekspo Rekacipta UniMAP (EREKA) 2023** (Rujuk bukti 5.2), dan **Emas** bagi projek bertajuk **Role Play: The Usage of Dolls in Improving the Self-Care Skills among Autism Spectrum Disorder Individuals with Sexual Behaviour Problems** di **International Teaching Aid Competition iTAC 2023** (Rujuk bukti 5.2).

### Elemen 2 - Penyelidikan dan Konferensi

Selain inovasi, FKPM juga menitikberatkan elemen **penyelidikan** yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran staf akademik dalam penyelesaian masalah, penghasilan produk berkualiti, peningkatan taraf hidup masyarakat dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil penyelidikan ini seterusnya dibentangkan di **konferensi akademik** sama ada di dalam atau luar negara, yang berfungsi sebagai platform untuk mengetengahkan hasil kajian dan mendapatkan pandangan dari pelbagai sudut kepakaran peserta konferensi.

### Elemen 3 - Penulisan dan Penerbitan

Elemen ketiga dalam ECE yang turut diberi perhatian dalam tumpuan kepada sumber manusia ialah aspek **penulisan** dan **penerbitan**. Pengurusan tertinggi FKPM memberikan sokongan penuh kepada usaha staf FKPM dalam penghasilan bahan bacaan ilmiah yang kemudian diterbitkan dalam bentuk buku dan jurnal, atau penulisan di dalam media tempatan. FKPM juga memiliki penerbitan dalaman sendiri di bawah penerbitan **Forum Komunikasi** berjilid, menerusi platform digital dan cetakan (Rujuk bukti 5.2).

### Elemen 4 - Kepakaran dan Konsultasi

FKPM dalam pada itu menggalakkan semua staf akademik untuk mengenal pasti **kepakaran** masing-masing supaya dapat dimaksimumkan bagi tujuan pembangunan kerjaya staf selain membuka peluang perundingan dan **konsultasi** yang berpotensi dengan organisasi luar termasuk organisasi media. Kepakaran tersebut diterjemahkan ke dalam perkhidmatan profesional seperti **Pakar Kewartawanan, Pakar Penerbitan, Pakar Perhubungan Awam, Pakar Komunikasi Strategik, Pakar Instruksional**, serta **Pakar Periklanan dan Penyiaran**.

Sebagai contoh, pensyarah-pensyarah FKPM kerap dijemput untuk memberi pandangan dan pendapat berkenaan isu-isu semasa di luar atau dalam negara di media elektronik (**Rujuk bukti 5.2**).

FKPM memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada semua staf FKPM yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam pelbagai bidang, seperti pemberian **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) (Rujuk bukti 5.2)**, kenaikan pangkat, inisiatif kecemerlangan keserjanaan pensyarah dan hebahan geran yang dikeluarkan oleh pihak UiTM, Kementerian dan badan-badan bukan Kerajaan. (**Rujuk bukti 5.2**).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0029\\_S01\\_SB02\\_20241\\_BUKTI 5.2.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FKPM menyumbang kepada masyarakat, pelajar, dan industri dengan memanfaatkan kepakaran serta pengalaman staf dalam bidang **komunikasi** dan **media**. Fakulti mengoptimumkan kepakaran dalam kedua-dua bidang ini serta pengalaman sumber manusia untuk melaksanakan inisiatif dan aktiviti yang berfokus pada bidang tumpuan.

Sumbangan FKPM dalam jaringan **#alumni**, **#komuniti**, dan **#kesukarelawan** direalisasikan melalui beberapa pendekatan, antaranya melaksanakan projek khidmat masyarakat, kesukarelawanan serta mengadakan program mengenai isu-isu semasa termasuk alam sekitar yang membabitkan pelajar dan masyarakat. Selain itu FKPM menjalinkan kerjasama dengan industri melalui penyediaan tenaga kerja berkualiti, perkongsian ilmu dan perundingan serta kolaborasi yang diperkukuhkan dengan **Memorandum of Understanding (MoU)** dan **Memorandum of Agreement (MoA)** (Rujuk bukti 5.3).

Penganjuran dan penyertaan dalam konferensi antarabangsa menunjukkan komitmen FKPM untuk menjadikan UiTM universiti yang diiktiraf di peringkat global serta mencapai **Globally Renowned University menjelang 2025 (GRU2025)**, selaras dengan **Pelan Strategik UiTM 2025** (Rujuk bukti 5.3). FKPM menganjurkan konferensi antarabangsa, **International Conference On Media and Social Sciences (iCOMS)** (Rujuk bukti 5.3) setiap dua tahun sekali, yang melibatkan penyertaan ahli-ahli akademik, pelajar serta pemain industri dalam bidang komunikasi dan media dari dalam dan luar negara.

Staf akademik dan pentadbiran juga diwajibkan memenuhi sekurang-kurangnya **42 jam latihan setiap tahun** (Rujuk bukti 5.3) untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan kompetensi mereka. Pensyarah berpengalaman juga memberikan sumbangan kepakaran mereka sebagai penceramah dan pensyarah jemputan di universiti dalam dan luar negara. Ini membuktikan kepakaran serta pengalaman mereka diiktiraf sehingga ke peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, **pensyarah kanan FKPM Dr Suffian Hadi Ayub** dijemput menghadiri **program Visiting Scholar** di Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung, Indonesia, selama empat minggu pada November 2023 (Rujuk bukti 5.3).

Selain itu, staf FKPM yang berpengalaman turut dilantik sebagai **penasihat** dan **penganjur program** yang melibatkan bidang tumpuan, di mana penglibatan mereka dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka selain memimpin kejayaan pelajar di peringkat global. Komitmen yang ditunjukkan oleh staf dan pelajar dalam setiap program **#komuniti** dan **#kesukarelawan** mencerminkan kesediaan mereka untuk berbakti kepada masyarakat.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_S01\\_SB03\\_20241\\_BUKTI 5.3.pdf](#)
2. [F0029\\_S01\\_SB03\\_20242\\_BUKTI 5.3 Penguatkuasaan Semula Pelaksanaan Dasar Latihan 42 jam Bagi Staf UiTM Bil 04 Tahun 2017.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Elemen **pemantauan** adalah langkah penting dalam memastikan keberkesanan dan pencapaian matlamat fakulti. Pengurusan kanan FKPM memantau aspek pengurusan staf, termasuk penilaian prestasi, latihan dan pembangunan profesional. FKPM akan mempertimbangkan sebarang aduan atau tahap kepuasan hati warga fakulti selepas proses siasatan dibentangkan dalam mesyuarat **Staf Akademik FKPM (Rujuk bukti 5.4.1)**.

Fakulti menggunakan pelbagai kaedah untuk memantau dan menilai maklum balas, aduan, dan cadangan staf, termasuk mesyuarat, **E-aduan (Rujuk bukti 5.4.1)**, borang aduan dan maklum balas pelanggan, telefon, aplikasi WhatsApp, Facebook, serta kaji selidik **indeks kegembiraan staf (Rujuk bukti 5.4.1)**. Tindakan susulan terhadap maklum balas ini penting untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memastikan isu-isu yang timbul ditangani dengan cepat dan berkesan.

Pendekatan ini menunjukkan sifat keterbukaan kepimpinan FKPM terhadap rundingan, konsultasi, dan perbincangan dengan staf. Sebarang cadangan dan aduan yang dikemukakan akan diambil tindakan dengan segera. Pengumpulan dan analisis aduan melalui sistem aduan dan maklum balas pelanggan digunakan untuk penambahbaikan organisasi secara menyeluruh agar sumber manusia terjaga dengan baik.

Selain itu, **SUFO (Rujuk bukti 5.4.1)** diadakan untuk menganalisis tahap kepuasan pelajar terhadap tenaga pengajar UiTM. Pemantauan terhadap **profesionalisme pensyarah (PRO-PENS) (Rujuk bukti 5.4.1)** turut diadakan bagi memantau, antaranya kualiti pengajaran dan pembelajaran pensyarah dan memastikan integriti, etika, dan nilai profesionalisme dipatuhi oleh staf akademik.

FKPM menyediakan kemudahan **infostruktur** dan **infrastruktur** bagi meningkatkan kepuasan hati warga fakulti dan memastikan mereka bekerja dengan selesa. Kemudahan fizikal seperti bilik kuliah, makmal, dewan kuliah, studio dan perisian disediakan dengan bagi dan mencukupi bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran warga FKPM **(Rujuk bukti 5.4.1)**.

Pengurusan kanan fakulti bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua aktiviti fakulti mematuhi polisi universiti, undang-undang, dan peraturan yang berkenaan. Ini termasuk memantau pelaksanaan prosedur kerja dan memastikan kepatuhan terhadap standard kualiti yang ditetapkan. Segala pemantauan penting bagi memastikan staf akademik dan pentadbiran beroperasi pada tahap optimum dan mampu menyokong matlamat fakulti secara khusus dan universiti secara amnya.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0029\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20241\\_Bukti 5.4.1.pdf](#)
2. [F0029\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20242\\_BUKTI 5.4.1 INDEX HAPPINESS MASSCOM 2023.pdf](#)
3. [F0029\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20243\\_Bukti 5.4.1 Lecturer's Professionalism Monitoring \(PRO-PENS\) Guideline.pdf](#)
4. [F0029\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20244\\_BUKTI 5.4.1 LAPORAN SUFO .pdf](#)
5. [F0029\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20245\\_BUKTI 5.4.1 INFRASTRUKTUR.pdf](#)



## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian operasi fakulti, pengurusan kanan FKPM mengamalkan pengurusan risiko yang **efektif**, antaranya mengelakkan daripada membuat sebarang keputusan yang kurang tepat atau tidak sejajar dengan visi dan misi fakulti sehingga boleh menjejaskan kualiti perkhidmatan akademik dan pengurusan.

FKPM juga menitik beratkan **risiko** berkaitan dengan pengurusan staf akademik dan bukan akademik, termasuk masalah seperti kekurangan tenaga pengajar, konflik dalaman atau ketidakpuasan hati staf. **Pengurusan risiko** ini penting untuk memastikan moral staf yang tinggi, produktiviti yang konsisten dan kestabilan operasi fakulti. Pelantikan **Penyelaras Pengurusan Risiko (Rujuk bukti 5.4.2)** daripada kalangan staf akademik telah memperkukuhkan FKPM dalam menghadapi cabaran dan risiko dalam pelaksanaan sistem kerja dan fungsi fakulti. Pelantikan ini hanya berkuatkuasa pada 2024 selepas FKPM beroperasi sebagai sebuah fakulti.

Selain itu, **pengurusan kewangan** yang tidak efisien atau bajet tidak seimbang boleh membawa kepada masalah seperti kekurangan dana untuk projek akademik, pembangunan infrastruktur atau penyelidikan. Justeru, pengurusan kanan FKPM mengenal pasti risiko tersebut dan mengurusnya dengan teliti untuk memastikan kestabilan kewangan fakulti, antaranya menjana pendapatan fakulti menerusi aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh pelajar dan pensyarah setiap program di FKPM selain menerima tajaan atau sumbangan daripada alumni FKPM yang telah berjaya dalam kerjaya dan bidang masing-masing.

FKPM juga mengenal pasti **risiko** yang berkaitan dengan **akademik (Rujuk bukti 5.4.2)** termasuk kualiti pengajaran, pencapaian pelajar dan prestasi penyelidikan selain memastikan bahawa semua aktiviti dan operasi fakulti mematuhi undang-undang, peraturan dan polisi universiti. Kegagalan berbuat demikian boleh merosakkan reputasi FKPM dan menjejaskan keyakinan pihak berkepentingan.

Kegagalan sistem infrastruktur penting seperti capaian Internet atau kemudahan fizikal boleh menjejaskan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Justeru FKPM memastikan **pengurusan risiko** ini dijalankan dengan baik bagi memastikan kelangsungan dan kelancaran operasi fakulti (**Rujuk bukti 5.4.2**). FKPM turut memastikan pengurusan yang baik dalam aspek **keselamatan fizikal** dan **kesejahteraan** warga fakulti, termasuk risiko bencana alam, kebakaran atau wabak penyakit.

Dengan mengenal pasti dan menguruskan risiko-risiko ini, pengurusan kanan FKPM dapat memastikan operasi fakulti berjalan lancar, mencapai objektif yang telah ditetapkan, dan mengekalkan standard kualiti yang tinggi.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20241\\_BUKTI 5.4.2 Surat Lantikan Penyelaras Risiko FKPM.pdf](#)
2. [F0029\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20242\\_BUKTI 5.4.2 Panduan Pengurusan Risiko\[1\].pdf](#)
3. [F0029\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20243\\_BUKTI 5.4.2 PENGURUSAN RISIKO FKPM.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 5.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Selepas melakukan pemantauan dan mengenal pasti risiko, pengurusan kanan FKPM mengkaji semula segala pendekatan dan membuat penambahbaikan untuk memastikan fakulti terus berkembang dan meningkatkan kualiti perkhidmatannya.

FKPM secara berkala mengkaji semula prestasi keseluruhan fakulti, termasuk keberkesanan pengajaran, kualiti penyelidikan, dan pengurusan sumber. Ini melibatkan analisis data prestasi, maklum balas pelajar menerusi kaedah **SUFO (Rujuk bukti 5.4.3)**, hasil penilaian akademik, serta laporan audit dalaman. Kajian ini membantu dalam mengenal pasti kelemahan, jurang, dan peluang untuk penambahbaikan.

Selain itu, pengurusan kanan FKPM mengkaji maklum balas yang diterima daripada pelajar dan staf, baik melalui kaji selidik, sesi perbincangan, atau platform maklum balas lain. Maklum balas ini penting untuk memahami tahap kepuasan warga fakulti dan untuk mengenal pasti isu-isu yang memerlukan tindakan segera. Penambahbaikan berasaskan maklum balas ini boleh meliputi penambahbaikan perkhidmatan, pengurusan staf, dan kemudahan fakulti.

Kajian semula keberkesanan pelan pengurusan risiko adalah penting untuk memastikan risiko yang dikenalpasti dikendalikan dengan betul. Pengurusan kanan fakulti menilai keberkesanan tindakan mitigasi risiko yang telah dilaksanakan dan membuat pelarasan jika perlu. Ini membantu mengurangkan kemungkinan berlakunya risiko pada masa depan dan memastikan fakulti dapat terus beroperasi dengan lancar (**Rujuk bukti 5.4.3**).

Selain itu, pengurusan kanan fakulti mengkaji keberkesanan program akademik dan kurikulum yang ditawarkan, termasuk menilai relevansi kurikulum dengan keperluan **industri**, pencapaian hasil pembelajaran, dan tahap kepuasan pelajar (**Rujuk bukti 5.4.3**). Berdasarkan kajian ini, kurikulum boleh diperbaharui, ditambah baik, atau disesuaikan untuk memenuhi keperluan semasa.

Hasil daripada audit dalaman dan luaran, pengurusan kanan fakulti mengkaji cadangan-cadangan yang diberikan dan melaksanakan penambahbaikan yang diperlukan, termasuk memperbaiki proses kerja, meningkatkan ketepatan dokumentasi, dan memperkukuhkan kawalan dalaman. Tindakan susulan terhadap hasil audit ini penting untuk memperbaiki kelemahan dan memastikan pematuhan terhadap standard kualiti.

Selepas tindakan penambahbaikan dilaksanakan, pengurusan kanan FKPM memantau kesannya terhadap prestasi keseluruhan fakulti. Ini termasuk mengukur peningkatan dalam pencapaian akademik, kepuasan pelajar, keberkesanan pengajaran, dan aspek lain yang relevan. **Pemantauan** ini membantu memastikan tindakan penambahbaikan mencapai matlamat yang diharapkan dan menyumbang kepada peningkatan kualiti secara berterusan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20241\\_BUKTI 5.4.3 LAPORAN SUFO .pdf](#)
2. [F0029\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20242\\_BUKTI 5.4.3 Panduan\\_Pengurusan\\_Risiko\[1\].pdf](#)
3. [F0029\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20243\\_RUJUK BUKTI 5.4.3 BORANG CADANGAN SEMAKAN KURIKULUM BERSAMA INDUSTRI\\_JRN549.pdf](#)
4. [F0029\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20244\\_BUKTI 5.4.3 SEMAKAN KURIKULUM OMAR SHAARI INDUSTRI.pdf](#)
- 5.

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak pengurusan kanan FKPM melalui pendekatan **SYNERGY** memainkan peranan sangat penting dalam memastikan bahawa setiap aktiviti dan program selari, saling melengkapi dan menyumbang kepada matlamat **Pelan Strategik UiTM 2025**. Dalam konteks jaringan **#alumni**, **#komuniti** dan **#kesukarelawan**, pembudayaan yang dijalankan telah menyokong pengukuhan hubungan dengan alumni, peningkatan sumbangan kepada masyarakat dan penggalakan budaya kesukarelawan dalam kalangan pelajar dan staf.

Pembudayaan disebarluaskan melalui aktiviti yang dijalankan oleh setiap program yang berfokus kepada pembangunan jaringan **#alumni**. Seperti contoh, alumni yang telah berjaya dalam bidang komunikasi dan media menyumbang semula kepada fakulti dengan penglibatan sebagai mentor dan penceramah dalam aktiviti seperti **National Young Journalist Convention (NYJC) & Journiepedia: Garuda Series 2.0 (Rujuk bukti 5.5)** kendalian program Kewartawanan, sekaligus memenuhi sasaran **PI080** iaitu penglibatan kepakaran alumni dan penglibatan pelajar dalam program antarabangsa menerusi **PI032** iaitu lawatan ke Universiti Budi Luhur, Jakarta, Indonesia dan Media Nusantara Citra (MNC) Indonesia (**Rujuk bukti 5.5**).

Selain itu, pembudayaan juga memanfaatkan jaringan alumni untuk tujuan-tujuan yang lebih besar, seperti sokongan kewangan atau teknikal menerusi aktiviti seperti **INCspect: Buy Right Buy Safely** kendalian program Komunikasi Antarapersonal yang turut memenuhi sasaran **PI023** iaitu kolaborasi dengan agensi dan industri (**Rujuk bukti 5.5**). **INCspect: Buy Right Buy Safely** yang dianjurkan bersama rakan strategik SIRIM QAS International Sdn Bhd juga memenuhi sasaran bidang tumpuan **#komuniti** di mana sebanyak 570 buah topi keledar diedar secara percuma kepada pelajar UiTM (**Rujuk bukti 5.5**). Sokongan kewangan turut diberikan oleh alumni menerusi **Tabung Alumni Prihatin RM5-Kelangsungan Pengajian Mahasiswa FKPM (Rujuk bukti 5.5)**.

Bidang tumpuan berkaitan **#komuniti** dicapai melalui pelaksanaan aktiviti **Projek Pinggan Licin** kendalian program Periklanan yang memfokuskan kepada kempen menggalakkan masyarakat mengurangkan pembaziran makanan (food waste) (**Rujuk bukti 5.5**). Kempen ini juga selaras dengan *United Nation's 12th Sustainable Development Goals (SDG12) - Responsible Consumption and Production*. Selain itu, bidang tumpuan berkaitan **#komuniti** dicapai melalui penganjuran aktiviti **SULAM, Eh! Kau Putar Ek!** yang bertujuan menyebarkan pengetahuan mengenai undang-undang berkaitan isu fitnah kepada komuniti remaja (**Rujuk bukti 5.5**). Aktiviti ini turut mencapai sasaran **PI027 (Rujuk bukti 5.5)**. Bidang tumpuan sama juga dicapai melalui jualan amal **Rioooh Raya 2023** di mana sebahagian hasil jualan didermakan kepada badan Kebajikan terpilih dan **Pasar Loka Klasik** yang bertujuan mengumpul dana untuk anak-anak tahfiz Ma'ahad Tahfiz Teduhan Kasih (**Rujuk bukti 5.5**). Keempat-empat aktiviti ini turut mencapai bidang tumpuan berkaitan **#kesukarelawan** dan mencapai sasaran **PI075** iaitu penglibatan aktiviti tanggungjawab sosial.

Dengan memberikan perhatian kepada elemen-elemen ini, FKPM dapat memastikan bahawa pembudayaan dalam bidang jaringan alumni, komuniti, dan kesukarelawan bukan sahaja selaras dengan visi dan misi UiTM, tetapi juga memberikan impak yang signifikan kepada seluruh ekosistem fakulti dan komuniti.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_S01\\_SB05\\_20241\\_Bukti 5.5 National Young Journalist Convention \(NYJC\) dan Journiepedia.pdf](#)
2. [F0029\\_S01\\_SB05\\_20242\\_BUKTI 5.5 PEMBENTANGAN PRESTASI PI 2022 DAN PI 2023](#)

---

[KPPIM.pdf](#)

3. [F0029\\_S01\\_SB05\\_20243\\_BUKTI 5.5.pdf](#)

4. [F0029\\_S01\\_SB05\\_20244\\_BUKTI 5.5 media monitoring .pdf](#)

5. [F0029\\_S01\\_SB05\\_20245\\_BUKTI 5.5 PROGRAM SYNERGY .pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**FKPM** melihat kerjasama antara pemegang taruh, alumni, dan pihak industri sebagai kekuatan utama fakulti yang kini berusia **52 tahun**. Atas dasar ini, bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawanan dipilih, kerana ketiga-tiga faktor ini fokus pada rangkaian erat antara warga fakulti dan alumni, memberi sumbangan kepada komuniti luar, dan tetap memperhatikan pencapaian akademik pelajar yang terlibat dalam menjayakan program-program yang dirancang. Pendekatan ini seiring dengan **Pelan Strategik UiTM 2020-2025** dan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025**, yang bertujuan mencapai kecemerlangan global.

Proses pelaksanaan bidang tumpuan ini dijalankan melalui model **SYNERGY**, yang dikaitkan dengan kitaran **Plan, Do, Check, Act (PDCA)**. Walaupun Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media baru berdiri sendiri setelah dikeluarkan dari KPPIM pada Jun 2023, usaha bersama pengurusan, warga pendidik, dan staf pentadbiran telah menunjukkan hasil yang signifikan dalam mencapai Petunjuk Prestasi Utama melalui beberapa program.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh FKPM termasuk **INCspect: Buy Right Buy Safely, National Young Journalist Convention (NYJC) & Journiepedia, Projek Pinggan Licin, Rioooh Raya 2023, Pasar Loka Klasik, dan Kempen Eh! Kau Putar Ek!**, yang merupakan sebahagian daripada **Service-Learning Malaysia-University for Society (SULAM)**.

**Plan:** Setiap aktiviti dimulakan dengan perancangan rapi, berlandaskan model SYNERGY. Pihak pengurusan FKPM sentiasa memberikan input strategik untuk memastikan objektif program selaras dengan visi fakulti. Kertas kerja yang disediakan melalui fasa perancangan ini dibentangkan dan disaring oleh Dekan, Timbalan Dekan, dan pengurusan fakulti.

**Do:** Pelaksanaan program dilakukan dengan teliti, diselia oleh pensyarah berpengalaman yang memastikan kelancaran setiap aktiviti berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Setiap langkah pelaksanaan dipantau untuk memastikan ia berjalan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

**Check:** Pemantauan dilakukan secara berkala oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, dibantu oleh jawatankuasa pelaksana yang ditubuhkan untuk setiap program. Proses ini memastikan bahawa semua aktiviti memenuhi standard dan keperluan yang ditetapkan oleh pengurusan fakulti, dan sebarang isu atau cabaran dapat dikenal pasti lebih awal.

**Act:** Tindakan penambahbaikan berterusan dirancang berdasarkan keberhasilan program terdahulu, memastikan pembelajaran daripada pengalaman lepas diterapkan untuk meningkatkan kualiti program masa depan. Sebagai contoh, aktiviti seperti Projek Pinggan Licin dan Rioooh Raya 2023 telah ditambah baik berdasarkan kejayaan program sebelumnya.

FKPM juga secara konsisten mendorong keterlibatan alumni dan pemegang taruh dalam setiap aktiviti yang dijalankan, baik secara langsung maupun tidak langsung. Ini adalah kerana jaringan industri telah lama menjadi kekuatan dalaman fakulti. Jawatankuasa yang dilantik bertanggungjawab membuat keputusan strategik, menyelaras pemantauan, dan memastikan pelaksanaan yang efektif melalui pembentangan laporan dalam pelbagai mesyuarat pengurusan fakulti.

Pihak pengurusan tertinggi FKPM berharap semua inisiatif ini akan terus mengangkat nama fakulti, sambil memberikan impak positif dalam melahirkan pelajar **'budak masscomm'** yang holistik dan berdaya saing dalam kalangan **Mahasiswa Madani**.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan FKPM sentiasa berusaha memastikan setiap projek yang dirancang selaras dengan objektif strategik universiti, aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), dan keperluan industri, dengan penekanan khusus pada Objektif Strategik (OS3, OS4, dan OS8). Setiap inisiatif dianalisis dan diolah mengikut keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, memastikan projek-projek yang dilaksanakan memberi impak tinggi dalam memperkukuh jaringan alumni, komuniti, dan kesukarelawan, sekaligus memperkukuhkan reputasi dan keterampilan universiti di mata masyarakat.

Dalam memperluas jaringan strategik dengan alumni dan industri (OS8), Pengurusan Kanan FKPM menunjukkan komitmen yang signifikan terhadap pemeliharaan hubungan berterusan dengan alumni. Usaha ini bukan sahaja berfokus pada pengukuhan jaringan, tetapi juga pada pengoptimuman modal sosial alumni melalui penglibatan aktif mereka dalam aktiviti akademik, pembangunan pelajar, komuniti, dan kesukarelawan. Pendekatan ini selaras dengan **Garis Panduan Jaringan Alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM)**, (Bukti 1) yang dirancang untuk memaksimumkan sumbangan alumni dalam meningkatkan daya saing dan kecemerlangan FKPM secara berterusan.

Proses ini bermula dengan perancangan teliti dan penyediaan kertas kerja yang mengandungi objektif yang jelas. Borang Permohonan Mengadakan Aktiviti, lengkap dengan perincian program yang dirancang, kemudian dikemukakan kepada Koordinator, Ketua Pusat, atau Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP) untuk semakan dan sokongan. Setelah proposal tersebut diluluskan dan surat kelulusan diperoleh, program akan dilaksanakan mengikut perancangan yang telah disusun. Dalam memastikan objektif tercapai, pemantauan risiko dijalankan dan penambahbaikan dikesan. Setelah program selesai, laporan lengkap berserta maklum balas program dihantar kepada TDHEP untuk tujuan dokumentasi. **Carta aliran proses** ini telah dijadikan panduan kepada warga FKPM (Bukti 2) Dengan menitikberatkan kerjasama strategik dan pematuhan kepada piawaian tertinggi, FKPM bukan sahaja menyokong visi dan misi universiti tetapi juga memposisikan fakulti sebagai peneraju dalam membina hubungan erat dengan pemegang taruh, menggalakkan inovasi, dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat secara menyeluruh.

Dalam usaha mencapai OS4, FKPM memberikan keutamaan kepada program yang melibatkan komuniti dan kesukarelawan. Berpandukan **Garis Panduan Jaringan Komuniti UiTM**, (Bukti 3) Pengurusan Kanan FKPM secara konsisten menggalakkan nilai keprihatinan di kalangan warganya melalui pelaksanaan pelbagai program pembangunan komuniti. Program-program ini tidak hanya memfokuskan kepada perkongsian ilmu, tetapi juga melibatkan pelbagai bentuk kesukarelawan seperti bantuan kewangan, penyediaan peralatan, sumbangan tenaga, dan kepakaran.

Proses pelaksanaan dimulakan dengan mengenal pasti golongan atau komuniti yang memerlukan bantuan melalui sesi perbincangan dan lawatan ke lokasi yang terlibat. Setelah itu, jenis khidmat komuniti atau projek kesukarelawan yang sesuai ditentukan bersama, lengkap dengan objektif dan hasil yang ingin dicapai. Surat permohonan untuk menjalankan program atau kerjasama kemudian dikemukakan kepada pihak yang terlibat. Setelah mendapat kelulusan dari kedua-dua pihak, perbincangan lanjut diadakan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan program. Laporan lengkap mengenai program tersebut disediakan dan dihantar ke TDHEP, selain dimuat naik ke dalam sistem **PRIME** untuk tujuan dokumentasi rasmi. (Bukti 4).

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0029\\_O01\\_OB02\\_20241\\_GARIS\\_PANDUAN\\_JARINGAN\\_ALUMNI - 5\\_NOV\\_2020.pdf](#)
2. [F0029\\_O01\\_OB02\\_20242\\_Carta Proses.pdf](#)
3. [F0029\\_O01\\_OB02\\_20243\\_GARIS\\_PANDUAN\\_JARINGAN\\_KOMUNITI.pdf](#)
4. [F0029\\_O01\\_OB02\\_20244\\_iAKNC Prime.pdf](#)
- 5.

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kata kunci **SYNERGY** yang diilhamkan oleh Prof. Madya Dr. Ab. Rasid Ab. Rahman, berasal dari konsep **ESI iDART**, telah diadaptasi dan digunakan oleh seluruh warga FKPM dalam mengemudi fakulti selepas keluar dari KPPIM. Walaupun tidak mudah, penerapan SYNERGY ini telah berjaya memupuk semangat kekitaan dalam kalangan warga FKPM, menjadikan ia sebagai asas yang kukuh untuk kemajuan fakulti.

Dengan mengusung tema SYNERGY, FKPM telah berjaya melebarkan jaringan alumni, komuniti, dan kesukarelawanan melalui pelbagai inisiatif yang dikembangkan oleh warga fakulti. Inisiatif seperti **#alumniXfkpm** adalah contoh utama dalam memperkasakan kerjasama dengan alumni, yang seterusnya mempengaruhi program-program yang memberi manfaat luas kepada fakulti dan university. Melalui inisiatif program yang melibatkan **#komuniti** secara langsung telah mempromosikan budaya **#kesukarelawanan** di kalangan FKPM.

Dalam konteks **Perluasan (Deployment)**, pendekatan **PDCA (Plan, Do, Check, Act)** digunakan untuk memastikan bahawa operasi setiap langkah dalam memperluas jaringan ini dilakukan secara sistematik dan berkesan:

**Plan:** Permulaan warga FKPM dalam merancang pelan strategik adalah melalui Bengkel Synergy bersama dekan yang dijalankan pada June 2023. (bukti 1) Melalui bengkel ini, perancangan strategik FKPM dilakukan untuk mengenal pasti peluang dan ruang kerjasama dengan alumni, komuniti, dan kesukarelawanan. Ini termasuk merancang program-program yang selaras dengan objektif SYNERGY dan Pelan Strategik UiTM serta SDG goals. Warga FKPM menyusun pelan tindakan yang memperinci peranan setiap pihak dan sasaran yang ingin dicapai.

**Do:** Pelaksanaan program dilakukan dengan teliti, di mana setiap aktiviti dirancang dengan kerjasama erat antara pihak pengurusan, alumni, dan komuniti dan membabitkan juga seluruh warga FKPM. Sebagai contoh, program **#alumniXfkpm** melibatkan penyertaan alumni dalam pelbagai projek seperti INCspect, NYJC dan JOURNIEPEDIA. Manakala Projek Pinggan Licin, dan Rioooh Raya 2023, merupakan program kesukarelawanan yang dijalankan untuk memberi kesedaran kepada komuniti dan Masyarakat. (bukti 2)

**Check:** Penilaian keberkesanan setiap program dilakukan melalui pemantauan berterusan. Pengurusan FKPM sentiasa mengkaji semula setiap langkah dan output yang dicapai untuk memastikan ia selaras dengan matlamat SYNERGY. Data dan maklum balas dari program-program terdahulu digunakan untuk menilai pencapaian dan mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan. serta laporan akhir program dan pelaporan di dalam PI (masih terkandung di bawah KPPIM). (bukti 3)

**Act:** Berdasarkan hasil penilaian, tindakan penambahbaikan diambil untuk memperbaiki dan mengoptimalkan pelaksanaan program pada masa akan datang. Penambahbaikan ini bukan sahaja untuk meningkatkan keberkesanan program, tetapi juga untuk memperkuat hubungan dengan alumni dan komuniti, memastikan keberlangsungan impak positif ke atas fakulti, universiti, dan masyarakat. Ini di jalankan dengan membuat mesyuarat, menubuhkan jawatankuasa serta pemantauan berskala.

Dengan menggabungkan SYNERGY dan pendekatan PDCA dalam konteks perluasan, FKPM terus melangkah maju sebagai sebuah fakulti yang dinamik, progresif, dan sentiasa relevan dengan keperluan semasa, sambil membina asas yang kukuh untuk masa depan yang lebih gemilang.

#### **SENARAI BUKTI :**



1. [F0029\\_O01\\_OB03\\_20241\\_Bengkel Synergy.pdf](#)
2. [F0029\\_O01\\_OB03\\_20242\\_Antara Program Berimpak FKPM.pdf](#)
3. [F0029\\_O01\\_OB03\\_20243\\_iAKNC Bengkel Penambahbaikan PI.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pihak pengurusan FKPM **sentiasa memastikan** semua aktiviti operasi utama **disemak dan dipantau** dengan teliti bagi memastikan pelaksanaan aktiviti yang telah dijalankan mencapai objektif sasaran. Begitu juga dengan aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan pada masa akan datang. Pemantauan ini dilakukan bersama dengan setiap warga FKPM dalam memastikan semua operasi memberi hasil yang berimpak serta mencapai PI yang ditetapkan. Pemantau proses ini dilaksanakan melalui **pelaporan aktiviti** (Bukti 1) serta melalui mesyuarat **Work In Progress (WIP)** (Bukti 2) yang di adakan pada setiap bulan.

Selain itu, bagi memastikan program FKPM selari dengan tema SYNERGY, setiap aktiviti dirangka dengan pendekatan yang holistik dan bersepadu, yang melibatkan kerjasama erat antara semua pemegang taruh, termasuk alumni, industri, dan komuniti. Setiap program juga disesuaikan dengan matlamat strategik fakulti dan universiti, serta memenuhi keperluan semasa industri dan masyarakat.

Pengurusan FKPM turut menekankan kepentingan inovasi dan keberkesanan dalam setiap program yang dijalankan. Melalui tema **SYNERGY**, (bukti 3) elemen-elemen seperti **Strength (kekuatan), Yield (hasil), Network (jaringan), Excellence (kecemerlangan), Resourcefulness (daya cipta), Growth (pertumbuhan), dan Yearning (keinginan)** diintegrasikan ke dalam setiap fasa perancangan dan pelaksanaan program.

Pelaporan berkala dan mesyuarat Work In Progress (WIP) yang diadakan setiap bulan berfungsi sebagai platform untuk menyemak kemajuan dan mengenal pasti sebarang isu yang mungkin timbul. Melalui WIP, pengurusan dan semua pihak terlibat dapat berbincang mengenai prestasi semasa, mengambil tindakan pembedahan jika diperlukan, dan merangka strategi penambahbaikan untuk masa akan datang.

Pendekatan ini bukan sahaja memastikan bahawa semua operasi dan program berjalan dengan lancar, tetapi juga menjamin bahawa program-program FKPM terus relevan, inovatif, dan berimpak tinggi, selaras dengan aspirasi untuk mencapai kecemerlangan global yang dicanangkan dalam Pelan Strategik UiTM 2020-2025. Ini seterusnya membuktikan komitmen FKPM dalam memperkasakan jaringan alumni, menyumbang kepada pembangunan komuniti, dan menanam budaya kesukarelawanan yang kukuh di kalanganarganya. (Bukti 4).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0029\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20241\\_iAKNC Laporan Akhir Program.pdf](#)
2. [F0029\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20242\\_iAKNC Bengkel SAP 2023.pdf](#)
3. [F0029\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20243\\_iAKNC Model Synergy.pdf](#)
4. [F0029\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20244\\_Antara Program Berimpak FKPM.pdf](#)
- 5.

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Untuk memastikan kelancaran setiap program yang dijalankan di bawah naungan FKPM, pengurusan risiko merupakan elemen penting dalam pencapaian objektif strategik.

**Pengurusan Risiko FKPM** (bukti 1) memainkan peranan kritikal dalam memastikan bahawa pengurusan risiko diaplikasikan dengan berkesan di semua peringkat fakulti. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa setiap perancangan dan aktiviti yang dilaksanakan telah mempertimbangkan risiko-risiko yang mungkin dihadapi, sama ada dari sudut dalaman mahupun luaran. Pengurusan risiko juga perlu diintegrasikan dalam proses kerja, terutamanya dalam pembangunan polisi dan pengurusan perubahan.

Pengurusan risiko operasi di FKPM dikategorikan kepada **empat** tahap iaitu **Rendah, Sederhana, Tinggi, dan Ekstrem**. (bukti 3). Pengkelasan tahap ini ditentukan berdasarkan kemungkinan berlakunya insiden dalam tempoh tertentu atau dalam keadaan tertentu yang boleh memberi kesan negatif kepada pelaksanaan operasi. Selain itu, pelan pencegahan risiko juga dirancang dan dilaksanakan secara menyeluruh mengikut **Panduan Pengurusan Risiko UiTM**. (bukti 2)

FKPM menekankan kepentingan pemantauan risiko operasi kerana pengurusan risiko yang berkesan dapat membantu dalam beberapa aspek penting. Antaranya, ia membolehkan penetapan strategi yang lebih mantap dengan mengambil kira risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian strategi. Di samping itu, pengurusan risiko menggalakkan budaya kerja yang proaktif terhadap isu-isu yang berpotensi memberi impak besar, dengan tindakan pencegahan yang boleh dilaksanakan lebih awal. Pengurusan risiko juga membantu pihak pengurusan membuat keputusan yang lebih tepat berdasarkan tindakan kawalan terhadap risiko atau peluang yang dikenalpasti.

**Antara risiko operasional** yang telah dikenalpasti termasuklah masalah logistik, ketidakcukupan sumber manusia, serta kekurangan peralatan yang boleh menjejaskan kelancaran pelaksanaan program. Ini turut merangkumi risiko kegagalan teknologi atau peralatan, yang boleh memberi kesan negatif kepada keberkesanan komunikasi dan penyelarasan dalam pelaksanaan program.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20241\\_CARTA\\_ORGANISASI\\_FKPM\\_30.pdf](#)
2. [F0029\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20242\\_Panduan\\_Pengurusan\\_Risiko.pdf](#)
3. [F0029\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20243\\_iAKNC\\_Risiko\\_FKPM.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisaan tumpuan operasi FKPM dilaksanakan melalui pendekatan yang sistematik dan menyeluruh untuk memastikan tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Proses ini melibatkan beberapa langkah utama:

1. **Pengumpulan Data dan Maklumat:** Setiap aktiviti dan program di bawah Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawan direkodkan secara terperinci, termasuk maklum balas daripada peserta dan pihak berkepentingan. Data ini dikumpulkan melalui laporan program, kertas kerja, dan tinjauan kepuasan. (Bukti 1)
2. **Analisis Prestasi:** Data yang dikumpulkan dianalisis untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan program. Proses analisis ini melibatkan penilaian keberkesanan strategi, kecekapan penggunaan sumber, dan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.
3. **Pemantauan Berterusan:** Pemantauan dilakukan secara berkala melalui mesyuarat Work In Progress (WIP) dan laporan kemajuan melalui bengkel pemurnian **Strategic Action Plan (SAP)**. Ini bertujuan untuk memastikan program berjalan mengikut perancangan dan sebarang isu yang timbul dapat ditangani segera. (bukti 2)
4. **Cadangan Penambahbaikan:** Berdasarkan hasil analisis dan pemantauan, cadangan penambahbaikan disusun dan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan. Cadangan ini merangkumi langkah-langkah praktikal untuk memperbaiki kelemahan yang dikenalpasti, serta strategi baru untuk meningkatkan keberkesanan operasi.
5. **Pelaksanaan Penambahbaikan:** Cadangan yang telah diluluskan dilaksanakan melalui pengemaskinian prosedur, latihan tambahan untuk pelajar dan staf, serta pengoptimuman sumber. Penambahbaikan ini kemudian dipantau untuk memastikan keberkesanannya dalam mencapai objektif program. (bukti 3)

Melalui proses ini, FKPM dapat memastikan setiap inisiatif di bawah Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawan terus relevan, berimpak tinggi, dan selaras dengan tema SYNERGY.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20241\\_iAKNC Laporan Akhir Program.pdf](#)
2. [F0029\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20242\\_iAKNC Bengkel SAP 2023.pdf](#)
3. [F0029\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20243\\_iAKNC Bengkel Penambahbaikan PI.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan bagi Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawan FKPM dapat dilihat melalui beberapa dimensi utama.

**Kesinambungan Program:** Program seperti MC Live dan Journiepedia telah menjadi model rujukan bagi program-program lain yang dijalankan di bawah FKPM. Keberkesanan program ini berjaya mencapai objektifnya dan memberi impak besar melalui penambahbaikan berterusan dapat membawa kepada kejayaan jangka panjang. Program ini menjadi platform untuk penghasilan program lain yang berimpak tinggi, menjadikan budaya kecemerlangan semakin kukuh dalam FKPM. (bukti 1)

**Pengiktirafan dan Penghargaan:** FKPM memberi penekanan kepada pengiktirafan usaha dan sumbangan warganya melalui pemberian sijil sebagai tanda terima kasih dan penghargaan. Ini bukan sahaja memberi motivasi kepada pelajar dan staf untuk terus cemerlang dalam melaksanakan program-program, tetapi juga membantu membudayakan penghargaan dan semangat kesukarelawan dalam kalangan warga FKPM. (bukti 2)

**Peningkatan Keberkesanan Operasi:** Keberkesanan tindakan penambahbaikan telah membantu dalam meningkatkan keberkesanan operasi Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawan. Ini tercermin melalui pencapaian objektif program yang lebih konsisten dan impak positif yang lebih luas kepada komuniti dan alumni. Ini dengan terhasilnya rangkaian di antara Universiti Canverra Australia bersama FKPM. (bukti 3)

**Pembudayaan Kecemerlangan:** Dengan pelaksanaan program-program berimpak tinggi yang konsisten, FKPM telah membudayakan amalan kecemerlangan dalam setiap aspek operasinya. Budaya ini tidak hanya terbatas kepada pelaksanaan program, tetapi juga merangkumi pembudayaan semangat kesukarelawan, kerjasama erat dengan alumni, dan sumbangan kepada komuniti.

**Pengukuhan Jaringan:** Program-program yang dihasilkan melalui kesinambungan program yang menyumbang kepada pengukuhan Jaringan Alumni, Komuniti, dan kesukarelawan. Penglibatan berterusan alumni dan komuniti dalam program-program ini membantu membina hubungan yang lebih erat dan kukuh, yang seterusnya memberi manfaat jangka panjang kepada FKPM melalui temeterainya MoU/MoA. (bukti 4)

Hasil daripada proses sinergi yang berkesan ini telah membawa FKPM ke tahap yang lebih tinggi, dengan terhasilnya pelbagai program #alumniXfkpm, #komuniti dan #kesukarelawan. Program-program ini bukan sahaja mencerminkan komitmen FKPM terhadap kecemerlangan, tetapi juga mengukuhkan kedudukannya di persada nasional dan antarabangsa.

Antara program-program yang berjaya dilaksanakan termasuklah **Riooh Raya bersama GM Klang**, yang mengukuhkan hubungan strategik dengan industri tempatan; **National Young Journalist Convention (NYJC) & Journiepedia**, yang mendapat perhatian dan liputan media antarabangsa, menunjukkan keupayaan FKPM dalam melahirkan wartawan muda yang berkaliber; **INCspect** bersama SIRIM QAS, yang mengetengahkan peranan FKPM dalam mempromosikan kesedaran keselamatan pengguna; dan **Projek Pinggan Licin**, yang bukan sahaja mempromosikan inisiatif hijau di kalangan warga universiti, tetapi juga berjaya membawa nama UiTM ke tahap lebih dinamik melalui kemenangan di Anugerah Kancil (Kancil

Awards), anugerah berprestij dalam industri kreatif Malaysia.

Keberhasilan ini adalah manifestasi kepada komitmen FKPM terhadap pembudayaan kecemerlangan dan keterlibatan strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan. Kejayaan ini juga diperkuatkan dengan kemenangan FKPM dalam **Anugerah Insentif Kecemerlangan 2023**, satu pencapaian yang dicapai ketika FKPM masih di bawah naungan Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (KPPIM). Pengiktirafan ini bukan sahaja mengesahkan keupayaan FKPM dalam menjana impak yang berterusan, tetapi juga meneguhkan visi dan misi fakulti untuk terus menyumbang kepada kecemerlangan universiti dan negara.

Secara keseluruhannya, tahap pembudayaan yang terhasil daripada tindakan penambahbaikan ini telah mewujudkan ekosistem yang menyokong kecemerlangan, kesukarelawan, dan kerjasama yang berterusan, selaras dengan tema SYNERGY yang dipegang oleh FKPM.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0029\\_O01\\_OB05\\_20241\\_iAKNC Bukti Operasi 5.pdf](#)
2. [F0029\\_O01\\_OB05\\_20242\\_iAKNC APC.pdf](#)
3. [F0029\\_O01\\_OB05\\_20243\\_20232\\_CANBERRA.pdf](#)
4. [F0029\\_O01\\_OB05\\_20244\\_iAKNC MOU.pdf](#)
5. [F0029\\_O01\\_OB05\\_20245\\_iAKNC Bukti Operasi\\_compressed.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

#### **Hasil Utama 2 Perancangan Strategik**

**SYNERGY : "Community for Quality"**

##### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tahap pencapaian bagi kedua-dua hasil di bawah tema komuniti adalah melebihi sasaran yang ditetapkan fakulti. Berdasarkan **Performance Indicator (PI) December 2023** mendapati kebanyakan program yang disasarkan sebelum ini melebihi sasaran yang ditetapkan FPKM sepanjang tahun lepas. Kejayaan pencapaian berkenaan adalah hasil warga FKPM dimana warga BHEP bekerjasama dengan warga akademik dan pentadbiran bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang mendapat sambutan daripada pelajar. Kepimpinan tertinggi FKPM turut melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang cekap dan berkesan serta sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara berterusan. Inisiatif seperti Bengkel Perancangan Strategik yang dijalankan juga antara salah satu usaha dalam merancang serta membentangkan hasil perancangan strategik yang boleh membantu dalam meningkatkan pengetahuan berkaitan bidang tumpuan yang dipilih.

Pemeriksaan yang dilaksanakan ini adalah bagi mendapatkan maklumat yang lengkap bagi perancangan strategik yang mantap untuk pihak pengurusan FKPM sendiri. Di samping itu, hubungan strategik yang rapat dengan institusi dan agensi kerajaan dan swasta, serta universiti dalam dan luar negara membolehkan FKPM untuk mengadakan pelbagai program pengantarabangsaan, keusahawanan dan kesukarelawan selaras dengan objektif strategik dan inisiatif strategik universiti.

Semua projek dan program berimpak tinggi yang dihasilkan oleh warga FKPM adalah berpandukan kepada Perancangan Strategik / *Strategic Planning* (SP) yang selari dengan 3 asas utama iaitu **Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2023-2025, Visi dan Misi UiTM** dan juga **Sustainability Development Goals (SDG)**. Program-program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh FKPM bukan sahaja bertujuan untuk memperkasakan pelajar dari segi akademik tetapi juga untuk membentuk graduan yang holistik.

##### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0029\\_HB02\\_20241\\_Hasil TAHAP .pdf](#)

##### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0029\\_HB03\\_20242\\_Hasil TREN 1.pdf](#)

##### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0029\\_HB04\\_20243\\_Hasil PERBANDINGAN.pdf](#)

##### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0029\\_HB05\\_20244\\_Hasil KEPENTINGAN \(Importance\) Alumni.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### **Hasil Utama Perancangan Strategik**

##### **SYNERGY : "Alumni Connection – Bridging Generations"**

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan strategik adalah elemen yang kritikal bagi sesebuah organisasi, termasuk FKPM. Dalam Pelan Strategik UiTM 2025, pelbagai teras telah ditekankan, dan FKPM memberikan perhatian khusus kepada semua teras ini, terutama dalam bidang tumpuan FKPM seperti Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawan. Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi, komitmen terhadap tanggungjawab sosial universiti kepada komuniti merupakan faktor penting yang dapat mengangkat reputasi FKPM, bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di arena antarabangsa.

Antara faktor penting yang menyumbang kepada pembagunan akedemik FKPM adalah jaringan alumni. Di FKPM, alumni adalah tulang belakang yang sangat kuat, mereka bukan hanya sekadar graduan, tetapi juga duta, mentor, dan penyokong yang terus memberi nilai kepada alma mater mereka. Kekuatan alumni FKPM terletak pada pengalaman, pengetahuan, kepakaran dan jaringan yang luas di dalam idustri media dan komunikasi tempatan mahupun antarabangsa, dan jaringan ini disalurkan kembali kepada fakulti untuk manfaat generasi pelajar yang akan datang.

Dengan pendekatan **SYNERGY**, alumni FKPM telah menyumbang secara menyeluruh kepada fakulti melalui **#alumniXfkpm** yang berteraskan:

- Pendekatan FKPM melalui penubuhan Persatuan Alumni FKPM telah meningkatkan keterlibatan alumni ke tahap yang lebih tinggi (**LEVEL**). **TREND** ini menunjukkan peningkatan dalam interaksi alumni dengan fakulti, dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, dan menggariskan kepentingan hubungan yang lebih erat dalam memperkukuhkan kolaborasi di pelbagai bidang.
- (**COMPARISON**) Pelaksanaan inisiatif oleh alumni, seperti sumbangan kewangan dan kepakaran, menunjukkan peningkatan yang ketara dalam impak terhadap universiti. Jika dibandingkan dengan masa lalu, terdapat peningkatan dalam keberkesanan dan nilai sumbangan, yang menunjukkan pentingnya (**IMPORTANCE**) pelaksanaan ini untuk kemajuan fakulti.
- Proses pembelajaran berterusan dalam kalangan alumni memperlihatkan tren positif, dengan peningkatan dalam penyertaan program seperti *Alumni Talk* dan *Curriculum Review*. Ini penting kerana ia memastikan sumbangan alumni kekal relevan dan terkini, seiring dengan perkembangan pendidikan. Jika dibandingkan dengan amalan sebelumnya, terdapat peningkatan dalam penglibatan alumni dalam program-program akademik dan profesional, yang membawa manfaat besar kepada pelajar dan fakulti.
- Integrasi alumni ke dalam pelbagai aspek universiti, dari akademik hingga pembangunan, menunjukkan peningkatan yang signifikan. Dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya,



integrasi ini menjadi semakin penting, memastikan sumbangan alumni selari dengan visi dan misi universiti, serta mewujudkan sinergi yang kukuh antara semua pihak yang terlibat.

Dengan meletakkan penitik berat kepada **Level, Trend, Comparison, dan Importance** FKPM dapat membuktikan bahawa keterlibatan alumni melalui pendekatan SYNERGY telah memastikan pertumbuhan dan kecemerlangan berterusan universiti, mencipta asas yang kukuh bagi masa depannya.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0029\\_HB02\\_20241\\_Hasil TAHAP KOMUNITI.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0029\\_HB03\\_20242\\_Hasil Tren KOMUNITI.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0029\\_HB04\\_20243\\_Hasil Perbandingan KOMUNITI.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0029\\_HB05\\_20244\\_KEPENTINGAN KOMUNITI BARU.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

#### **Hasil Utama 3 Perancangan Strategik**

**SYNERGY : "Kesukarelawan - Give with Heart, Play Your Part"**

##### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Hasil Utama yang dipilih adalah Hasil Dari Pelaksanaan Strategi yang terbahagi kepada 3 tema utama iaitu #alumni , #komuniti dan #kesukarelawan. Penerangan ringkas ini akan menerangkan tema terakhir iaitu #kesukarelawan.

Dalam melaksanakan program yang memberi keutamaan kepada pencapaian dan impak Sustainable Development Goals (SDG -17). Penekanan khusus di mana kerjasama strategik akademia – industri – komuniti menerusi program yang dianjurkan amatlah disarankan.

Kempen Projek Pinggan Licin dan Rioooh Raya 2023 adalah program program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi mengumpul dana untuk mereka yang kurang berkemampuan sebagai sumbangan kelangsungan kehidupan. Program berkenaan berjaya dilaksanakan dengan jayanyan dan menerima reaksi positif daripada pihak yang terlibat. Pelaksanaan itu dapat dibuat atas kerjasama yang diberikan yangpelajar, pensyarah kursus, pengurusan Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, dan seterusnya pengurusan tertinggi UiTM iaitu pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).

Kaedah perancangan Pelan Strategik yang efektif adalah selari dengan kepentingan dan tujuan program yang telah dilaksanakan. Ini secara jelas dapat dilihat menerusi kaedah pelaksanaan perancangan strategik yang jelas dan efisien. Projek di bawah #kesukarelawan ini amat menitikberatkan kebajikan serta kepentingan masyarakat dan alam semesta. Terutama selepas negara melanda pandemik yang banyak membawa perubahan kepada ekosistem serta budaya hidup manusia.

Projek-projek yang telah dijalankan rata-rata memberi impak yang tinggi terhadap fakulti, masyarakat, universiti serta negara. Kegiatan kesukarelawan ini menjadi tren di fakulti dengan terhasilnya bilangan projek #kesukarelawan yang tinggi

##### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0029\\_HB02\\_20241\\_TAHAP SUKARELAWAN.pdf](#)

##### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0029\\_HB03\\_20242\\_TREN SUKARELAWAN.pdf](#)

##### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0029\\_HB04\\_20243\\_PERBANDINGAN SUKARELAWAN.pdf](#)

##### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0029\\_HB05\\_20244\\_KEPENTINGAN SUKARELAWAN.pdf](#)